



LAPORAN TAHUNAN 2014 ANNUAL REPORT

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION



© Hak cipta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

Hak Cipta ini adalah milik Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Anda perlu memaklumkan penggunaan. Hak Cipta terpelihara.

© Copyright Enforcement Agency Integrity Commission

The copyright of this report belongs to the Enforcement Agency Integrity Commission. All or any part of this report may be reproduced provided acknowledgement of source is made or with the Commission's permission. The Commission assumes no responsibility, warranty and liability, expressed or implied by the reproduction of this publication done without the Commission's permission. Notification of such use is required. All rights reserved.



ISI KANDUNGAN CONTENTS

BAB 1 Perutusan Pengerusi	5	CHAPTER 1 <i>The Chairman's Message</i>	5
BAB 2 Maklumat Korporat	13	CHAPTER 2 <i>Corporate Information</i>	13
BAB 3 Pesuruhjaya	19	CHAPTER 3 <i>The Commissioners</i>	19
BAB 4 Pentadbiran	29	CHAPTER 4 <i>Administration</i>	29
BAB 5 Perundangan	37	CHAPTER 5 <i>Legal</i>	37
BAB 6 Dasar, Penyelidikan Dan Inovasi	39	CHAPTER 6 <i>Policy, Research and Innovation</i>	39
BAB 7 Operasi	41	CHAPTER 7 <i>Operations</i>	41
BAB 8 Khidmat Pengurusan	65	CHAPTER 8 <i>Management Services</i>	65
BAB 9 Komunikasi Korporat	67	CHAPTER 9 <i>Corporate Communications</i>	67
BAB 10 Keselamatan	103	CHAPTER 10 <i>Security</i>	103
BAB 11 Urus Setia Mesyuarat Suruhanjaya	107	CHAPTER 11 <i>Commission's Meeting Secretariat</i>	107
BAB 12 Unit Integriti	109	CHAPTER 12 <i>Integrity Unit</i>	109
BAB 13 Kewangan	113	CHAPTER 13 <i>Finance</i>	113
BAB 14 Kalendar Aktiviti	115	CHAPTER 14 <i>Calendar Activities</i>	115
Bab 15 Lampiran	123	CHAPTER 15 <i>Appendices</i>	123





BAB
CHAPTER
1

**PERUTUSAN
PENGERUSI**
THE CHAIRMAN'S MESSAGE



PERUTUSAN PENGERUSI *CHAIRMAN'S MESSAGE*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera

Tahun 2014 merupakan tahun pertama saya sebagai Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) susulan daripada pelantikan tujuh orang Pesuruhjaya EAIC yang baru oleh Yang di-Pertuan Agong berkuatkuasa pada 15 Oktober 2014 setelah tempoh perkhidmatan ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC yang terdahulu tamat pada 1 April 2014. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Pengerusi EAIC, Datuk Heliliah binti Mohd Yusof dan Pesuruhjaya yang lain atas peranan yang berkesan dan komitmen dalam menangani serta mencegah masalah salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan melalui pengurusan aduan dan mengemukakan syor penambahbaikan ke atas agensi penguatkuasaan. Saya juga berterima kasih kepada mantan Setiausaha merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Idham bin Hj. Abdul Ghani yang telah menyumbang tenaga dan idea sepanjang perkhidmatan beliau di EAIC.

Assalamualaikum W.B.T. and Salam Sejahtera

The year 2014 was my first year as Chairman of the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) following the appointment of seven new EAIC Commissioners by Yang di-Pertuan Agong, effective 15 October 2014 after the period of services of the previous EAIC Commissioners ended on 1 April 2014. I would like to express my gratitude and appreciation to the former Chairman, Datuk Heliliah binti Mohd Yusof and all the former Commissioners on their efforts and commitment in addressing and preventing misconduct amongst enforcement officers and agencies through complaint management and recommendations. I would also like to thank former Secretary and Chief Executive Officer, Mr. Idham bin Hj. Abdul Ghani, for his exemplary contributions and performance during his service with EAIC.

Prestasi

Tahun 2014 menyaksikan EAIC sudah mula meraih kesan positif hasil pelaksanaan pelbagai program yang telah dilaksanakan bermula pada awal penubuhannya sehingga kini. Walaupun terdapat pihak yang agak pesimis dengan keupayaan dan pencapaian EAIC, namun ia sama sekali tidak melunturkan semangat dan keazaman EAIC untuk memperbaiki pencapaian dari semasa ke semasa. Malah, melalui peningkatan penyelesaian aduan yang diterima oleh EAIC membuktikan bahawa EAIC sentiasa berusaha dalam memperbaiki pencapaian dan memenuhi aspirasi penubuhannya.

Secara keseluruhan, peningkatan jumlah kes yang diselesaikan oleh EAIC telah menunjukkan peningkatan drastik dengan pencapaian 90% kes selesai berbanding tahun 2013. Faktor utama yang telah menyumbang kepada kejayaan ini adalah dengan terdapatnya penambahan bilangan pegawai penyiasat EAIC pada tahun 2014 dan sistem pengurusan aduan yang lebih sistematik.

Statistik aduan yang diterima sepanjang tahun ini juga melihatkan peningkatan jumlah aduan daripada golongan penduduk di luar bandar. Ini menunjukkan prestasi dan kepercayaan orang ramai terhadap perkhidmatan EAIC semakin meluas dan meningkat, hasil daripada aktiviti promosi serta penggunaan laman sesawang dan media sosial lain yang disediakan oleh EAIC yang memudahkan lagi orang ramai membuat hubungan dengan EAIC. Format borang aduan juga telah dibuat penambahbaikan yang lebih mesra pelanggan.

Dalam usaha EAIC memperkemaskan lagi penyampaian perkhidmatan dan matlamat memperkasakan EAIC sebagai badan bebas yang efektif, EAIC kini dalam proses untuk membuat pindaan kepada peruntukan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Bagi tujuan tersebut bengkel pindaan Akta 700 akan diadakan yang akan turut disertai oleh wakil-wakil daripada setiap agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC. Hasil maklumat dan ‘in-put’ yang diperolehi nanti akan dinilai dan dipertimbangkan untuk penyediaan pindaan Akta 700.

Performance

In 2014, we saw the positive impact of the implementation of the various EAIC programmes conducted since its establishment. Although there were some parties who were not optimistic of EAIC's achievements and abilities, it did not diminish our determination to continue to improve EAIC's performance. In fact, the increasing number of solved complaints has proven that EAIC is consistently improving and moving forward towards meeting its aspirations.

In general, the increased number of solved cases has drastically improved compared to only 90% of cases solved in 2013. The main contributing factor that led to this success was the appointment of more investigation officers in 2014 and a more systematic complaint management system.

Statistics shows that the number of complaints received from rural areas throughout the year has increased. It proves that public trust is growing and EAIC's performance is improving due to promotional activities and the utilization of EAIC's web pages and other social media, which are clearly bridging the relationship between EAIC and the public. Another improvement is in the format of the complaint form which is now more user-friendly.

In line with EAIC's efforts to enhance service delivery and strengthen its position as an effective independent body, EAIC is in the process of making amendments to the provisions of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700]. To facilitate that, EAIC will conduct retreats with representatives from all agencies under EAIC's purview to gather information and feedback. All the data collected will be disseminated and consequently evaluated and considered as part of the process of amending Act 700.

Dari segi keberkesanan penyampaian maklumat, terdapat peningkatan yang sangat ketara ke atas bilangan pelawat ke laman sesawang EAIC serta *facebook* dan *twitter* EAIC. Pada penghujung tahun 2014 melihatkan jumlah pelawat di laman sesawang EAIC www.eaic.gov.my meningkat lebih sekali ganda dari tahun 2013, iaitu daripada 27,000 kepada 55,000 pelawat. Memandangkan penggunaan laman sosial yang meluas di kalangan penduduk Malaysia, EAIC telah mengambil inisiatif mengadakan "Kempen Like Facebook dan Follow Twitter" semasa program EAIC bersama orang ramai atau hari bertemu pelanggan. Menerusi laman sosial ini juga, orang ramai akan dapat mengetahui maklumat dan berita-berita terkini mengenai aktiviti EAIC dengan lebih mudah dan pantas. Selain daripada itu, medium yang sama juga disediakan untuk memudahkan orang ramai membuat aduan melalui borang aduan di atas talian yang telah diper mudahkan atau menghantar sebarang cadangan penambahbaikan dan komen berkaitan EAIC.

Aktiviti

Peningkatan bilangan aduan terhadap pegawai penguat kuasa atau terhadap agensi penguatkuasaan serta pendedahan media cetak dan elektronik serta media baru mengenai salah laku dan penyalahgunaan kuasa, telah melihatkan kepada masyarakat bahawa tahap integriti pegawai penguat kuasa di Malaysia masih belum boleh dibanggakan. Butiran berkaitan perkara ini dapat dilihat dengan lebih terperinci di bawah laporan ini. Susulan daripada itu EAIC telah menyusun pelbagai langkah untuk memastikan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang dengan teratur mengikut undang-undang serta mematuhi tatacara kerja (SOP) jabatan/agensi berkaitan. Beberapa siri lawatan kerja ke agensi-agensi penguatkuasaan telah dilakukan. Lawatan kerja seperti ini telah membolehkan EAIC mengetahui atau mengenal pasti masalah dan kelemahan agensi-agensi terlibat. Rungutan yang

In terms of effectiveness in delivering information, there is a significant rise in the number of visitors to the EAIC website and social media pages such as Facebook and Twitter. By the end of 2014, the number of visitors to EAIC's website at www.eaic.gov.my had increased to 55,000 visitors as compared to 27,000 visitors in the year of 2013. Due to the wide utilization of social networking, EAIC has taken the initiative to promote its pages through its "Like Facebook" and "Follow Twitter" campaigns during EAIC's Meet The Customer Day. It is now easier and faster for the public to find information and the latest news on EAIC's activities. In addition, the EAIC website also enables the public to lodge complaints through an online complaint form or send suggestion or comments for improvement.

Activities

Rungutan yang biasa didengari daripada pihak agensi penguatkuasaan adalah berkenaan kekurangan logistik dan sumber manusia yang menjadi kekangan kepada operasi penguatkuasaan. Walau bagaimanapun setiap agensi sewajarnya mempunyai rancangan tersusun dengan penggembelingan sumber-sumber sedia ada pada agensi berkaitan.

Common complaints from these enforcement agencies included logistics and human resource constraints. However, every agency should have a plan to assemble existing resources.

problems and weaknesses. Common complaints from these enforcement agencies included logistics and human resource constraints. However, every agency should have a plan to assemble existing resources. There were even agencies which had not reviewed or updated their SOP for quite some time. On top of that, there were officers who were not familiar with their own SOP, such as the process of detention and arresting people. Consequently, these inadequacies have affected performance. As the supervising body for enforcement agencies as listed in the Act 700 Schedule, in line with the roles and functions of EAIC as

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN



biasa didengari daripada pihak agensi penguatkuasaan adalah berkenaan kekurangan logistik dan sumber manusia yang menjadikekangan kepada operasi penguatkuasaan. Walau bagaimanapun setiap agensi sewajarnya mempunyai rancangan tersusun dengan penggembelingan sumber-sumber sedia ada pada agensi berkaitan. Terdapat juga agensi yang ketinggalan dari segi SOP yang tidak dikemaskini untuk rujukan serta kegagalan pegawai penyiasat untuk menguasai SOP yang turut menjelaskan kelancaran operasi termasuk perkara berkaitan pengendalian orang tahanan/tangkapan. Selaku badan penyelia kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang disenaraikan dalam Jadual Akta 700 dan selaras dengan bidang tugas dan fungsi EAIC di bawah seksyen 4(d) dan (h) Akta 700, EAIC dari masa ke semasa mengemukakan syor-syor penambahbaikan serta cadangan untuk mencegah salah laku serta menambah baik perjalanan operasi dan pengurusan agensi penguatkuasaan terlibat.

provided under Section 4 (d) and (h), EAIC will submit recommendations for operations improvement as well as to prevent misconduct within the said agencies.



Pada tahun ini juga, EAIC telah menerima aduan dari persatuan nelayan pantai dan individu berhubung pencerobohan bot-bot pukat 'kenka' atau 'appollo'. Didapati sejumlah 86 aduan telah dibuat oleh pelbagai pihak kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) cawangan negeri Perak, namun masih tidak terdapat langkah-langkah atau penguatkuasaan undang-undang dan peraturan perlesenan yang efektif diambil. Lanjutan dari itu, EAIC telah membuat keputusan melakukan siasatan penuh ke atas perkara tersebut setelah EAIC mengambil pertimbangan bahawa pengaduan tersebut mempunyai kepentingan yang signifikan kepada orang ramai khasnya ke atas mata pencarian nelayan pantai dan kesan terhadap ekosistem hidupan laut. Keputusan membuat siasatan penuh tersebut telah dibuat hebahan kepada orang ramai melalui satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh EAIC.

Pada aspek yang lain, semenjak tahun 2013, isu berkaitan kematian orang tahanan dalam lokap menjadi salah satu daripada isu yang mendapat perhatian masyarakat umum, badan-badan bukan kerajaan dan lebih-lebih lagi kepada keluarga orang tahanan. Lanjutan daripada kes kematian seorang tahanan bernama James Ramesh a/l Ramasamy pada 26 Mac 2013, EAIC telah menuahkan Pasukan Petugas bertujuan untuk membuat siasatan penuh dalam menentukan sama ada terdapat sebarang salah laku dan perlanggaran terhadap peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, dan SOP yang menyumbang kepada sebab kematian mendiang. Pasukan Petugas yang ditubuhkan juga bertanggungjawab untuk membuat pengesongan berhubung penambahbaikan atau penggubalan semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan SOP bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang lagi.

This year also, EAIC received complaints from the Inshore Fisherman Association and other individuals regarding the encroachment of the 'Pukat Kenka' and 'Apollo' fishing vessels. EAIC discovered that a total of 86 complaints had been lodged by various parties to the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA), Perak State Branch. However, no effective actions were taken in accordance to the respective laws and licensing regulations. Following that, upon considering that the complaint was of significant interest to the community, especially to the inshore fishermen community and that it had considerable impact on the marine ecosystem, EAIC decided to conduct a full investigation on the matter. EAIC has since issued a press release announcing its decision to conduct a full investigation.

Since 2013, issues regarding the death of detainees in custody have attracted considerable public attention, including Non-Government Organisations and in particular, the families of the detainees. Following the death of a prisoner named James Ramesh a/l Ramasamy on 26 March 2013, EAIC has established a Task Force to conduct a full investigation to determine whether there was any wrongdoing or infringement of regulations, rules, and procedures that led to the cause of death of the deceased. The Task Force is also obliged to recommend improvements in legislation or regulations, rules, or standard operating procedures to ensure that such misconduct never occurs again. EAIC will announce to the public the result of the investigation as provided under Section 30 (5) of Act 700.

EAIC akan membuat pendedahan umum berkaitan hasil siasatan terlibat selaras dengan peruntukan seksyen 30(5) Akta 700.

Perancangan

Dengan pelantikan Pesuruhjaya-pesuruhjaya baru daripada pelbagai latar belakang serta disiplin keilmuan yang berbeza berkuatkusa mulai 15 Oktober 2014, saya yakin bahawa barisan Pesuruhjaya yang berpengalaman luas tersebut mampu melaksanakan tugas dan membawa idea-idea inovatif dalam membantu EAIC melaksanakan tugas dan fungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Di samping itu, dengan pelantikan Pengerusi EAIC secara sepenuh masa membolehkan saya menumpukan perhatian sepenuhnya kepada hal-hal berkaitan EAIC agar segala keputusan dan tindakan dapat dilaksanakan secara serta merta dan dengan lebih efektif.

Pada tahun 2015, EAIC merancang untuk menambah baik lagi penyampaian maklumat kepada orang awam dengan penayangan iklan EAIC di siaran televisyen dan radio versi baru yang lebih menarik perhatian. Melalui penerbitan atau pengiklanan tersebut, EAIC berharap akan dapat menyebarkan dengan lebih meluas maklumat mengenai EAIC kepada semua lapisan masyarakat. Ia secara tidak langsung akan dapat membawa mesej kepada pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan bahawa terdapat badan bebas yang memerhatikan dan mengambil tindakan terhadap sebarang perlakuan salah laku pegawai penguat kuasa.

Tahun 2015 akan melihatkan pembangunan kapasiti Bahagian Operasi EAIC dengan pengambilan beberapa pegawai penyiasat baru pada awal bulan Januari 2015 sebagai tambahan kepada pegawai-pegawai penyiasat EAIC sedia ada. Bahagian ini yang didukungi oleh Seksyen Aduan dan Seksyen Siasatan adalah merupakan nadi EAIC dalam menerima aduan dan menjalankan siasatan sebelum sesuatu aduan itu diputuskan secara muktamad oleh mesyuarat penuh Suruhanjaya ini. Beberapa orang pegawai penyiasat baru juga

Plans

I am confident that the appointment of the new and experienced Commissioners from different backgrounds and academic disciplines will enable EAIC to perform its duties more efficiently and effectively. In addition, my full time position as Chairman will enable me to fully focus on EAIC matters and thus every decision and action can be made immediately and effectively.

Isu berkaitan kematian orang tahanan dalam lokap menjadi salah satu daripada isu yang mendapat perhatian masyarakat umum, badan-badan bukan kerajaan dan lebih-lebih lagi kepada keluarga orang tahanan'

Issues regarding the death of detainees in custody have attracted considerable public attention, including Non-Government Organisations and in particular, the families of the detainees.

In 2015, EAIC plans to further improve delivery of information to the public by broadcasting more television and radio advertisements. Through its publications and advertising, EAIC hopes to enhance public awareness and knowledge regarding EAIC's roles. It will indirectly carry a message to the enforcement agencies and their officers that there is an independent body that is observing them and that action will be taken against any misconduct on their part.

In early January of 2015, EAIC plans to recruit new officers in the Operation Division to add to the current number of officers. The Division comprises of the Complaint Section and Investigation Section, both of which play significant roles in receiving complaints and conducting investigations before any complaint is officially determined to be valid during the Commissioner's Meetings. New investigating officers are also expected to be taken in early March 2015 to strengthen EAIC's capacity and capability in carrying out its duties and functions as provided by Act 700.

Dalam pada itu, saya juga menyeru kepada mana-mana individu supaya tidak menjadikan EAIC sebagai tempat aduan untuk kepentingan peribadi atau bermotif peribadi, sebaliknya aduan haruslah dibuat dengan suci hati untuk menangani masalah salah laku anggota penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

I also urge the public not to use EAIC for personal interest by lodging false reports. Every complaint must be made in good faith to address misconduct among enforcement agencies and their officers.

dijangka akan diambil pada awal bulan Mac 2015 bagi memperkasakan lagi keupayaan EAIC dalam memikul tugas dan fungsi EAIC seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 700.

Harapan

Pencapaian EAIC pada tahun ini telah menjadikan EAIC lebih matang dalam mengendalikan kes-kes berhubung salah laku dan tatatertib. Saya berharap agar masyarakat dapat terus menyokong usaha EAIC dalam menangani dan mencegah masalah salah laku dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di Malaysia. Dalam pada itu, saya juga menyeru kepada mana-mana individu supaya tidak menjadikan EAIC sebagai tempat aduan untuk kepentingan peribadi atau bermotif peribadi, sebaliknya aduan haruslah dibuat dengan suci hati untuk menangani masalah salah laku anggota penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

Saya meletakkan harapan yang tinggi kepada agensi-agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EIAC bagi memberikan kerjasama sepenuhnya kepada EAIC untuk sama-sama menangani salah laku di samping melahirkan pegawai penguat kuasa berintegriti dan dipercayai.

Dengan penuh takzim, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak bagi membolehkan EAIC melaksana dan menjalankan tanggungjawabnya dengan cekap dan berkesan.

Expectations

The success achieved throughout the year has proven EAIC's maturity, particularly in handling cases related to misconduct and discipline. I hope that the public will continue to support EAIC's efforts in addressing and preventing misconduct among enforcement agencies and their officers in Malaysia. At the same time, I also urge the public not to use EAIC for personal interest by lodging false reports. Every complaint must be made in good faith to address misconduct among enforcement agencies and their officers.

I have high hopes that the enforcement agencies under EAIC's supervision will provide full cooperation and join us in preventing misconduct as well as producing highly trusted enforcement officers with high integrity.

In all sincerity, I would like to take this opportunity to express my gratitude and appreciation for the support and cooperation given by all parties in enabling EAIC to implement and carry out its responsibilities effectively and efficiently.



BAB CHAPTER **2**

MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION

LOGO	14
<i>LOGO</i>	
VISI	15
<i>VISION</i>	
MISI	15
<i>MISSION</i>	
MOTO	15
<i>MOTTO</i>	
OBJEKTIF	16
<i>OBJECTIVE</i>	
FUNGSI	17
<i>ROLES</i>	
PIAGAM PELANGGAN	18
<i>CLIENT CHARTER</i>	




Penerangan Logo

- (a) 3 bentuk yang diolah dari kuku harimau yang menunjukkan keberanian melindungi kepentingan orang ramai. 3 bentuk yang bertindih tersebut menunjukkan semangat dalam memupuk integriti dan saling membantu antara EAIC, orang ramai, dan agensi-agensi penguatkuasaan;
- (b) 3 warna iaitu merah, emas dan hitam adalah simbolik kepada EAIC ini;
 - (i) Warna merah melambangkan ketegasan EAIC dalam memperkasakan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan;
 - (ii) Warna emas melambangkan EAIC memandang berat dan menganggap penting setiap fungsi yang diamanahkan kepada EAIC melibatkan integriti; dan
 - (iii) Warna hitam melambangkan keberanian EAIC dalam bertindak tanpa rasa takut dan bimbang; dan
- (c) 3 bucu tepat bertembung menunjukkan EAIC yang mengamalkan ketegasan, ketelusan, dan efisien dalam melaksanakan tugas.

Explanation of the Logo

- (a) *The tiger claw figuration in the logo symbolises the Commission's intrepidity in protecting public interest. These shapes which intersect with each other reflect the co-operation amongst the Commission, the public at large and the enforcement agencies in inculcating integrity;*
- (b) *The 3 colours which are red, gold and black symbolize the Commission;*
 - (i) *Red reflects the assertiveness and firmness of the Commission in forging integrity amongst the enforcement agencies;*
 - (ii) *Gold reflects the Commission's seriousness in executing its functions;*
 - (iii) *Black reflects the Commission's boldness in acting dutifully without fear or favour; and*
- (c) *The edge of the tiger claws that meet each other reflects the Commission's assertiveness, transparency and efficiency in carrying out its duties.*



OBJEKTIF *OBJECTIVES*

- (a) Menerima, mengurus dan menyiasat setiap aduan berhubung salah laku pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan dengan cekap, adil, telus dan berkesan;
 - (b) Mencapai kecemerlangan operasi penyampaian perkhidmatan melalui inovasi, teknologi dan saluran yang efisien;
 - (c) Memfokuskan pengurangan kes-kes salah laku pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan dari semasa ke semasa;
 - (d) Menggalakkan kesedaran dan melaksanakan penambahbaikan melalui program- program pendidikan dan tindakan- tindakan pencegahan;
 - (e) Membantu Kerajaan dalam merumuskan perundungan dan mengesyorkan langkah-langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan;
 - (f) Menyemai amalan tadbir urus yang baik di dalam agensi penguatkuasaan melalui pendidikan berterusan; dan
 - (g) Membangun dan memelihara imej yang cemerlang.
- (a) *To receive, manage, and investigate every complaint of misconduct in enforcement agencies and their officers in an efficient, fair, transparent, and effective manner;*
 - (b) *To achieve operational excellence in service delivery through innovation, technology and efficient channels;*
 - (c) *To focus on the reduction of misconduct cases among enforcement officers and law enforcement agencies;*
 - (d) *To promote awareness and the implementation of improvements through educational programmes and prevention methods;*
 - (e) *To assist the Government in formulating legislation and to recommend administrative measures to the Government or an enforcement agency;*
 - (f) *To inculcate good governance practices in law enforcement agencies through continuous education; and*
 - (g) *To establish and maintain an excellent image.*


FUNGSI *FUNCTIONS OF THE COMMISSION*

Fungsi EAIC yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] adalah :

The functions of the Commission as provided under section 4 (1) of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700] are:

- (a) Menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;
- (b) Merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa;
- (c) Melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;
- (d) Mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;
- (e) Menggalakkan kesedaran tentang, penambahbaikan mengenai, dan pendidikan berhubung dengan, integriti dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
- (f) Membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
- (g) Mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu berhubung dengannya; dan
- (h) Membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan, termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubungan dengannya.
- (a) To receive complaints of misconduct from the public against an enforcement officer or against an enforcement agency in general and to investigate into and conduct hearings on such complaints;
- (b) To formulate and put in place mechanisms for the detection, investigation and prevention of misconduct by an enforcement officer;
- (c) To protect the interest of the public by preventing and dealing with misconduct of enforcement officers;
- (d) To provide for the auditing and monitoring of particular aspects of the operations and procedures of an enforcement agency;
- (e) To promote awareness of, enhancement of, and education in relation to, integrity within an enforcement agency and to reduce misconduct amongst enforcement officers;
- (f) To assist the Government in formulating legislation, or to recommend administrative measures to the Government or an enforcement agency, in the promotion of integrity and the abolishment of misconduct amongst enforcement officers;
- (g) To study and verify any infringement of enforcement procedures and to make any necessary recommendations relating thereto; and
- (h) To make site visits to the premises of an enforcement agency, including visiting police stations and lockups in accordance with the procedures under any written law, and make any necessary recommendations relating thereto.

PIAGAM PELANGGAN *CLIENT CHARTER*





BAB CHAPTER **3**

PESURUHJAYA THE COMMISSIONERS

PELANTIKAN PESURUHJAYA
APPOINTMENT OF THE COMMISSIONERS

21

**PROFIL PENGERUSI, TIMBALAN
PENGERUSI DAN PESURUHJAYA**
CHAIRMAN'S, DEPUTY CHAIRMAN'S
AND THE COMMISSIONERS' PROFILES

22

PESURUHJAYA THE COMMISSIONERS
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION



Tujuh (7) orang Pesuruhjaya yang telah dilantik pada 1 April 2011 telah tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Mac 2014 selama tiga (3) tahun untuk penggal pertama selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 7 (1) Akta 700. Mereka ialah :

- (a) YBhg. Datuk Heliliah binti Mohd Yusof (Pengerusi)
- (b) Y.B. Senator Datuk Paul Low Seng Kuan (Timbalan Pengerusi sehingga 16 Mei 2013 kerana dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri)
- (c) YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli bin A. Hassan (Pesuruhjaya)
- (d) YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu (Pesuruhjaya)
- (e) YBhg. Professor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah binti Syed Hasan Shahabudin (Pesuruhjaya)
- (f) YBhg. Dato' Salehuddin bin Saidin (Pesuruhjaya)
- (g) YBrs. Encik Vinayak Prabhakar Pradhan (Pesuruhjaya)

Walau bagaimanapun, tiga (3) orang Pesuruhjaya pada penggal pertama iaitu YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan, YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu dan YBrs. Encik Vinayak Prabhakar Pradhan telah dilantik semula bagi penggal kedua (sesi 2014-2017) sebagaimana peruntukan seksyen 7(1) Akta 700.

Pada tanggal 15 Oktober 2014 atas perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tujuh (7) orang Pesuruhjaya telah dilantik menjadi ahli- ahli Pesuruhjaya Suruhanjaya untuk tempoh tiga (3) tahun. Mereka yang telah dilantik sebagai Pesuruhjaya adalah seperti berikut:

- (a) YA Datuk Yaacob bin Haji Md. Sam (Pengerusi)
- (b) YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli bin A. Hassan (Timbalan Pengerusi)
- (c) YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu (Pesuruhjaya)
- (d) YBrs. Encik Vinayak Prabhakar Pradhan (Pesuruhjaya)
- (e) YBrs. Puan Leong May Chan (Pesuruhjaya)
- (f) YBrs. Dr. Anis Yusal bin Yusoff (Pesuruhjaya)
- (g) YBrs. Encik Lee Sow Siong (Pesuruhjaya)

The seven (7) Commissioners appointed on 1 April 2011 have ended their three (3) year service for the first term in accordance with the provisions under Section 7 (1) of Act 700. They were:

- (a) YBhg. Datuk Heliliah binti Mohd Yusof (Chairman),
- (b) Y.B. Senator Datuk Paul Low Seng Kuan (Deputy Chairman until 16th May 2013. He was appointed as a Minister in the Prime Minister Office),
- (c) YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli bin A. Hassan (Commissioner),
- (d) YBhg. Dato' Seri Robert Jacob Ridu (Commissioner),
- (e) YBhg. Professor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Binti Syed Hasan Shahabudin (Commissioner),
- (f) YBhg. Dato' Salehuddin bin Saidin (Commissioner),
- (g) YBrs. Mr. Vinayak Prabhakar Pradhan (Commissioner)

However, three (3) Commissioners from the first term, Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli Bin A. Hassan, Dato' Seri Robert Jacob Ridu and Mr. Vinayak Prabhakar Pradhan have been re-appointed for a second term (session 2014-2017) in accordance with the provisions under section 7 (1) of Act 700.

On 15 October 2014, Yang di-Pertuan Agong approved the appointment of seven (7) new Commissioners for a term of three (3) years. They are as follows:

- (a) YA Datuk Yaacob bin Hj. Md. Sam (Chairman)
- (b) YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli bin A. Hassan (Deputy Chairman)
- (c) YBhg. Dato' Seri Robert Jacob Ridu (Commissioner)
- (d) YBrs. Mr. Vinayak Prabhakar Pradhan (Commissioner)
- (e) YBrs. Mdm. Leong May Chan (Commissioner)
- (f) YBrs. Dr. Anis Yusal bin Yusoff (Commissioner)
- (g) YBrs. Mr. Lee Sow Siong (Commissioner)

PROFIL PENGERUSI DAN PESURUHJAYA THE CHAIRMAN'S AND THE OTHER COMMISSIONERS' PROFILES



Pengerusi

YA Datuk Yaacob bin Haji Md. Sam merupakan pemegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang Universiti Malaya dan telah memperoleh Sijil Penggubalan Undang-Undang daripada University of the West Indies.

YA Datuk Yaacob mempunyai pengalaman yang luas dalam perundangan dan kehakiman sejak tahun 1982 sehingga sekarang. Beliau memulakan perkhidmatan dalam perundangan sebagai Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur dan pernah menyandang beberapa jawatan penting di Jabatan Peguam Negara serta Kehakiman.

Sepanjang perkhidmatan, beliau pernah dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia(SC), Penasihat Undang-undang di Negeri Perlis dan Johor, Peguam Kanan Persekutuan dan Timbalan Ketua Bahagian Pendakwaan (Polisi) di Jabatan Peguam Negara serta sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat di Jabatan Perdana Menteri. Beliau sebelum menyertai EAIC pernah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan yang terakhir sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam.

The Chairman

YA Datuk Yaacob Bin Hj. Md. Sam holds a Bachelor's Degree in Law from University Malaya and obtained a Certificate in Legislative Drafting from the University of West Indies.

YA Datuk Yaacob has had extensive experience in the legal and judicial system since 1982. He began his career in the judiciary as a Magistrate in Kuala Lumpur Magistrates' Court and has held several key positions in the Attorney General's Chambers and the Judiciary.

Throughout his years of service, he has held the position as a Deputy Public Prosecutor at the Securities Commission Malaysia (SC), State Legal Advisor of Perlis and Johor, Senior Federal Counsel and Deputy Head of Prosecution Division (Policy) at the Attorney General's Chambers and Chairman of the Advisory Board of the Prime Minister's Department. YA Datuk Yaacob, prior to his appointment, served as a Judge in the Penang High Court and later as a Judge in the Shah Alam High Court.



Timbalan Pengerusi

YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli bin A. Hassan merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Ekonomi, University of Bradford, UK dan Ijazah Kedoktoran (Ekonomi Pertanian) dari University Of Manchester. Beliau menghadiri kursus Program Pengurusan Tertinggi Harvard 168 (2005) di Boston. Beliau mempunyai pengalaman yang luas kerana telah berkhidmat hampir 36 tahun dalam perkhidmatan awam sebelum bersara wajib pada 2010.

Sepanjang menyertai perkhidmatan awam, YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli pernah menjawat beberapa jawatan penting antara lain sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Pengarah Bahagian Latihan, JPA, Timbalan Pengarah Akademik/ Ketua Pusat Kepimpinan Lanjutan dan Pembangunan Eksekutif INTAN, Pengarah Urusan, Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputra Pulau Pinang Sdn Bhd (Pinjaman), Pengarah Bahagian Penyertaan Bumiputra Pulau Pinang, Unit Penyelaras Perlaksanaan JPM, dan Ketua Penolong Pengarah Seksyen Perancangan Ekonomi Makro, Unit Perancang Ekonomi, JPM.

Deputy Chairman

YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli Bin A. Hassan holds a Bachelor's Degree in Economics from University Malaya, a Master's Degree in Economics from the University of Bradford (UK), and a Philosophy Doctorate in Agricultural Economics from the University of Manchester (UK). He had also attended Harvard Advanced Management Program 168 (2005) in Boston. He has had extensive experience in public service, having served for almost 36 years before his retirement in 2010.

During his career in the public service, YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli Bin A. Hassan has held several key positions such as Secretary General of the Ministry of Higher Education, Director of Training Division of Public Service Department, Deputy Academic Director / Head of Centre for Advanced Leadership and Executive Development, Managing Director of Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputra Pulau Pinang Sdn Bhd (on loan), Director of Penang Bumiputra Participation Unit, Implementation and Coordination Unit JPM, and Head of Assistant Director of Macro Economic Planning Section at the Prime Minister's Department.



Pesuruhjaya

YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu merupakan pemegang Ijazah Sarjana Sains, University Of York ,UK. Beliau adalah bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak dari tahun 1987 hingga 1994. Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sarawak dari tahun 1981 hingga 1987.

Sebelum YBhg. Dato' Sri Robert berkhidmat dalam perkhidmatan awam, beliau juga terlibat dalam sektor swasta seperti di HRM and Touche Ross International, Chartered Accountants and Management Consultants dan telah memperolehi Fellowship daripada The Institute of Chartered Secretaries and Administrators, United Kingdom.

YBhg. Dato' Sri Robert pernah berkhidmat sebagai Pengarah Lembaga Pelabuhan Kuching serta Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak. Beliau juga bergiat aktif dalam kegiatan sosial dan pernah menyandang jawatan sebagai Presiden Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh, Timbalan Setiausaha Agung dan Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak.

The Commissioners

YBhg. Dato' Seri Robert Jacob Ridu holds a Master's Degree in Science from the University of York (UK). He is a former Speaker of the State Legislative Assembly from 1987 to 1994. He served as Deputy Minister in the Ministry of Infrastructure Development of Sarawak from 1981 to 1987.

Before YBhg. Dato' Seri Robert joined the public service, he was attached to HRM and Touche Ross International, Chartered Accountants and Management Consultants and was awarded a Fellowship from The Institute of Chartered Secretaries and Administrators, United Kingdom.

YBhg. Dato' Seri Robert was also Director of Kuching Port Authority and Sarawak Housing and Development Commission. He is currently active in social activities and has served as the President of the Dayak Bidayuh National Association, Deputy Secretary-General and Deputy President of United Traditional Bumiputera Party of Sarawak.



YBrs. Encik Vinayak Prabhakar Pradhan adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari University of Singapore dan merupakan Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Singapura. Beliau pernah menjadi rakan kongsi kepada Tetuan Skrine dan sekarang merupakan perunding kepada firma yang sama.

YBrs. Encik Vinayak Prabhakar Pradhan merupakan Penimbang Tara Bertauliah dan Ahli kepada Institut Timbang Tara Bertauliah, United Kingdom. Beliau merupakan Ahli Tetap Mahkamah Timbang Tara, The Hague, Belanda dan Naib Pengurus Dewan Perniagaan Antarabangsa, Suruhanjaya Perdagangan Timbang Tara, Paris. Encik Pradhan merupakan ahli Lembaga Penasihat kepada Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan ahli Mahkamah Timbang Tara Sukan.

Dari tahun 1998 hingga 2003, Encik Pradhan merupakan seorang Pesuruhjaya Suruhanjaya Pampasan Bangsa-Bangsa Bersatu, Geneva, Switzerland.


YBrs. Encik Vinayak Prabhakar Pradhan juga merupakan Pengurus Pasukan Petugas Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) Kementerian Pengangkutan pada tahun 2009 dan juga sebagai ahli Pasukan Petugas Khas Perdana Menteri di Projek PKFZ. Kini, beliau juga adalah salah seorang daripada ahli PEMUDAH.

YBrs. Mr. Vinayak Prabhakar Pradhan holds a Bachelor's Degree in Law (Honours) from the University of Singapore. He is an Advocate and Solicitor in the High Court of Malaya and High Court of Singapore. He is a former partner and present consultant of Messrs. Skrine & Co.

YBrs. Mr. Vinayak Prabhakar Pradhan is a Chartered Arbitrator and Fellow of the Chartered Institute of Arbitrators, United Kingdom. He was the Global President of the Chartered Institute in 2013. He is a member of the Permanent Court of Arbitration, The Hague, Netherlands and the Vice Chair of the International Chamber of Commerce Commission on Arbitration, Paris. YBrs. Mr. Vinayak Prabhakar Pradhan is on the Board of Advisors of the Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration. He is also a member of the Court of Arbitration for Sports.

In 1998 to 2003, YBrs. Mr. Vinayak Prabhakar Pradhan was a Commissioner of the United Nations Compensation Commission, Geneva, Switzerland.

YBrs. Mr. Vinayak Prabhakar Pradhan was also the Chairman of the Ministry of Transport's Task Force on the Port Klang Free Zone Projects (PKFZ) in 2009. He was also a member of the Prime Minister's Special Task Force on the PKFZ project and is currently a member of PEMUDAH.



YBrs. Puan Leong May Chan merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B) dan Sarjana Undang-Undang (LL.M) dari Universiti Malaya. Beliau merupakan Peguam Cara, Peguam Bela dan pemilik firma guaman Tetuan May Leong & Co. serta Pesuruhjaya Sumpah di firma yang sama.

YBrs. Puan Leong May Chan juga merupakan ahli panel Tribunal Penyiasatan, Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam dan Ahli Panel Jawatankuasa Tatatertib pada tahun 2007 sehingga kini. Beliau pernah dilantik sebagai Presiden Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia sehingga tahun 2010 selain pernah dilantik sebagai Penyelidik Undang-Undang di Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis DiRaja Malaysia pada tahun 2005.

YBrs. Mdm. Leong May Chan holds a Bachelor's Degree in Law and a Master's Degree in Law from University Malaya. She is a Advocate and Solicitor, and the proprietor of Messrs May Leong & Co. and Commissioner for Oaths at the same firm.

YBrs. Mdm. Leong May Chan is a member of the Investigation Tribunal Panel, Advocate and Solicitor Disciplinary Board and a member of the Disciplinary Committee in 2007 until now. She was the President of the Tribunal for Consumer Claims Malaysia until 2010 and was appointed as Legal Researcher at the Royal Commission to Enhance the Operation and Management of The Royal Malaysia Police in 2005.



YBrs. Dr. Anis Yusal bin Yusoff merupakan Felo Penyelidik Utama di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga merupakan Penyelaras Kebangsaan Program Kesepaduan Sosial Negara (PADU), Ketua Projek dan orang yang bertanggungjawab untuk membangunkan KITA-MESRA®, sebuah sistem pemantauan mengenai hubungan etnik di Malaysia yang bertindak sebagai sistem amaran awal untuk menguruskan potensi ketegangan dan konflik di kalangan masyarakat.


Beliau pernah bertugas sebagai Pengarah Pengasas Sektor Politik di Institut Integriti Malaysia (IIM) dan pernah bekhidmat selama lebih sepuluh (10) tahun dengan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) sebagai Penolong Wakil Tetap di Malaysia dan sebagai Pakar Program Kesukarelawan Bangsa-Bangsa Bersatu di Bonn, Jerman. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Penasihat untuk Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia selama empat (4) tahun. Selain itu, beliau pernah dilantik sebagai Ahli Panel Penasihat untuk Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional di Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Penasihat Pengguna Negara pada tahun 2010.

Beliau mempunyai 25 tahun pengalaman dalam pengurusan projek dan penyelidikan yang berkaitan isu-isu pembangunan manusia di peringkat antarabangsa serta kerap kali dipanggil oleh media awam sebagai penganalisis untuk membincangkan bidang yang berkaitan dengan rasuah, politik wang dan hubungan etnik.

YBrs. Dr. Anis Yusal bin Yusoff is Principal Research Fellow at the Institute of Ethnic Studies (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). He is also the National Coordinator of the National Social Cohesion Programme (ECE), Project Leader and the person responsible for developing KITA-Mesra®, a system that monitors ethnic relations in Malaysia which acts as an early warning system to manage potential tension and conflict in the society.

He was the Founding Director of the Political Sector in Malaysian Institute of Integrity (IIM) and has worked for over ten (10) years with the United Nations Development Programme (UNDP) as Assistant Resident Representative in Malaysia. He was a Programme Specialist for the United Nations Volunteers in Bonn, Germany. He was also a member of the Advisory Panel for Consultation and Prevention of Corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission for four (4) years. In addition, he was on the Advisory Panel of Research and Training Institute for National Integration in the Department of National Unity and National Integration and National Consumer Advisory Council in 2010.

He has had 25 years of experience in project management and research relating to human development issues at the international level and is often invited by the media to analyse and discuss areas related to corruption, money politics and ethnic relations.




YBrs. Encik Lee Siong merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada University of East London. Beliau merupakan Peguam Cara dan Peguam Bela selama hampir 17 tahun dan menjadi rakan kongsi di Firma Guaman K.F. Wong dan Lee.

TABLE 8 : BREAKDOWN OF COMPLAINTS ACCORDING TO STATE FOR THE YEAR 2011-2014

NEGERI STATES	TAHUN YEAR				JUMLAH TOTAL
	2011	2012	2013	2014	
SELANGOR	2	82	88	68	240
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR <i>FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR</i>	10	92	63	72	237
PERAK	1	17	18	31	67
PULAU PINANG <i>PENANG</i>	3	21	17	19	60
KEDAH	0	18	17	24	59
JOHOR <i>JOHORE</i>	0	20	26	21	67
NEGERI SEMBILAN	0	21	14	14	49
SABAH	0	7	4	10	21
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA <i>FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA</i>	0	15	21	13	49
PAHANG	0	11	9	6	26
TERENGGANU	0	0	4	5	9
KELANTAN	0	4	10	11	25
SARAWAK	2	6	5	4	17
MELAKA <i>MALACCA</i>	0	12	5	6	23
PERLIS	0	2	1	5	8
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN <i>FEDERAL TERRITORY OF LABUAN</i>	0	1	0	0	1
JUMLAH TOTAL	18	329	302	309	958

* Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah yang didaftarkan kerana terdapat aduan melibatkan lebih daripada satu negeri yang diadu.
 * The total number differs from the number of complaints registered as there were complaints made in more than one state.

Berdasarkan jadual di atas, Selangor dan Kuala Lumpur mencatatkan bilangan aduan tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Terdapat faktor-faktor utama yang mempengaruhi rekod aduan berkenaan seperti jarak, jumlah penduduk yang lebih tinggi, tahap kecelikan IT dan kekerapan promosi oleh EAIC mengenai penubuhan dan bidang kuasanya.

Sehingga tahun 2014, EAIC telah melaksanakan beberapa program lawatan kerja dan dialog di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia, bertujuan untuk memberikan penerangan dan mendapatkan maklum balas daripada pegawai-pegawai penguat kuasa dalam usaha EAIC mengurangkan berlakunya salah laku. Antara lawatan kerja yang telah dilakukan ialah lawatan kerja ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, Melaka dan Negeri Sembilan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pulau Pinang, Langkawi dan Johor serta Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan & Koperasi Negeri Sembilan. Lawatan juga dibuat ke Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Melaka, Jabatan Imigresen Selangor cawangan Shah Alam , KLIA, Kedah dan Johor.

Based on the above table, Selangor and Federal Territory of Kuala Lumpur recorded the highest number of complaints received. There were various factors that led to this, most notably were the awareness programmes conducted by EAIC, the accessibility factor, the higher number of population and higher level of IT literacy among those in Klang Valley.

The year 2014 also witnessed various visits and discussions held in enforcement agencies throughout Malaysia with the aim of enhancing awareness of Act 700 as well as getting feedback from enforcement officers at state level for the purpose of reducing the number of complaints of misconduct. EAIC visited the Royal Malaysian Police headquarters in Sarawak, Kedah, Malacca and Negeri Sembilan; Malaysian Royal Customs Office in Sarawak, Penang, Kedah and Johor; Malaysian Maritime Enforcement Agency and Commercial Vehicle Licensing Board Sarawak in Kuching, Sarawak; Road Transport Department in Melaka and Federal Territory Kuala Lumpur; the Office of the Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism in Negeri Sembilan as well as the Immigration Department in KLIA, Sarawak, Kedah and Johor.



JADUAL 9 : KEPUTUSAN KESELURUHAN YANG DIBUAT OLEH MESYUARAT SURUHANJAYA PADA TAHUN 2011-2014
TABLE 9 : COMMISSION DECISION FOR THE THE YEAR 2011 -2014

KEPUTUSAN RESULT	TAHUN / BILANGAN ADUAN YEAR/TOTAL COMPLAINT				JUMLAH TOTAL
	2011	2012	2013	2014	
DITOLAK REJECTED	8	120	138	225	491
DIRUJUK KEPADA SPRM REFERRED TO MACC	3	6	5	6	20
DIRUJUK KEPADA PIHAK BERKUASA TATATERTIB REFERRED TO DISCIPLINARY AUTHORITY	2	13	12	4	31
DIRUJUK KEPADA PIHAK BERKUASA TATATERTIB DAN SPRM REFERRED TO DISCIPLINARY AUTHORITY AND MACC	1	3	12	17	33
SIASATAN PENUH FULL INVESTIGATION	0	65	76	66	207

(f) Perbandingan Pencapaian dengan Tahun Sebelumnya

Jumlah aduan yang diterima oleh EAIC telah meningkat dalam tahun 2014 berikutan dengan usaha EAIC mengiklankan mengenai kewujudan dan fungsi EAIC di stesen televisyen TV1, TV2 dan TV3 serta di radio Sinar FM dan Mix FM bermula bulan April hingga Mei 2014. Hebahan juga dibuat melalui media sosial seperti Facebook (www.facebook.com/eaicofficial) dan Twitter rasmi EAIC. [twitter.com/eaicofficial]

Aduan yang diterima dari seluruh negara bertambah terutamanya dari Sabah dan Sarawak kerana EAIC juga telah membuat promosi dengan cara menghantar brosur EAIC ke pejabat-pejabat daerah di negeri-negeri tersebut. Di samping itu EAIC turut membuka kaunter

(f) Comparison of achievements from the year before

EAIC's efforts to enhance public awareness of its role through appearances on TV stations such as TV1, TV2 and TV3 as well as on Sinar FM and Mix FM radio stations from April to May 2014 contributed to the increased number of complaints received in the year 2014. EAIC has also embarked on the use of social media such as Facebook (www.facebook.com/eaicofficial) and Twitter [[Twitter.com/eaicofficial](http://twitter.com/eaicofficial)].

More complaints have been reported nationwide. The number increased in Sabah and Sarawak, following EAIC's decision to distribute brochures to every district in the two states, in its effort to create public awareness. EAIC also participated in various programmes organised by the

EAIC juga mengambil tindakan pro-aktif dengan menghubungi media yang melaporkan sesuatu berita atau isu bagi mendapatkan butiran berkenaan salah laku bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil di bawah Akta 700.

In fact, following the media reports of specific issues, EAIC would investigate the issues of misconduct as reported in the media, in accordance with Act 700.

aduan semasa hari bertemu pelanggan Biro Pengaduan Awam dan penyertaan dalam program dan pameran di pejabat UTC dibeberapa negeri. Terbaharu adalah penyertaan EAIC dalam program SPRM sempena sambutan Hari Anti Rasuah Sedunia 2014 anjuran SPRM di Mid Valley, Kuala Lumpur. Usaha ini telah memperkenalkan lagi EAIC kepada orang awam di samping menjadi pemudah cara aduan dibuat.

(g) Pemantauan

Selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 28 Akta 700, EAIC juga giat menjalankan pemantauan terhadap aduan berkenaan ketidakpuasan orang awam terhadap salah laku anggota penguat kuasa dan agensi seliaan. Berdasarkan kepada berita atau isu-isu yang dilaporkan oleh media, EAIC juga mengambil tindakan pro-aktif dengan menghubungi media yang melaporkan sesuatu berita atau isu bagi mendapatkan butiran berkenaan salah laku bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil di bawah Akta 700.

Keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Suruhanjaya, akan diperakuan kepada Pihak Berkuastra Tatatertib (PBT) atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau pihak Pendakwa Raya. PBT dan SPM yang menerima perakuan EAIC dikehendaki menjalankan siasatan dan menyampaikan keputusan tindakan kepada EAIC dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan perakuan berkenaan sepermulaan dinyatakan dalam seksyen 27(3) Akta 700.

Sekiranya EAIC tidak berpuas hati dengan hukuman atau tindakan yang diambil oleh pihak PBT dan SPRM, EAIC boleh membuat satu pengesyoran atau meminta penjelasan tentang sebab sesuatu hukuman atau tindakan itu diambil atau tidak diambil.

Public Complaint Bureau and MACC at various UTC offices and public areas such as Mid Valley Mall. The initiatives succeeded in creating greater public awareness regarding EAIC while facilitating public complaints of misconduct.

(g) Monitoring

In accordance with the provisions under Section 28 of Act 700, EAIC also actively monitors complaints made by the public against the misconduct of enforcement officers and enforcement agencies under its purview. In fact, following the media reports of specific issues, EAIC would investigate the issues of misconduct as reported in the media, in accordance with Act 700.

Upon completion of such investigation, the Commission will make its decision either to refer such misconduct to the Disciplinary Authority (DA) or the MACC or the Public Prosecutor (DPP) as the case may be. Upon receiving such referral from EAIC, the said DA, MACC or DPP shall conduct its own investigation and communicate its findings to EAIC within thirty (30) days from the date of receipt of the complaint as provided in section 27 (3) of Act 700.

In the event that EAIC is not satisfied with the action taken or punishment given, the Commission may make a recommendation or request for further explanations for such actions taken.

SIASATAN

(a) Proses Siasatan

Apabila sesuatu aduan itu diputuskan oleh Mesyuarat Suruhanjaya untuk disiasat penuh, maka siasatan akan dikendalikan oleh pegawai-pegawai penyiasat dari Seksyen Siasatan, Bahagian Operasi EAIC. Secara ringkasnya, selepas sesuatu Kertas Siasatan (KS) dibuka, pegawai penyiasat akan mengambil keterangan pengadu dan saksi-saksi pengadu serta mendapatkan dokumen atau bahan bukti bagi menyokong dakwaan pengadu. Dalam keadaan tertentu pegawai penyiasat akan turut melawat tempat kejadian dan mengambil gambar tempat kejadian serta membuat sitaan apa-apa dokumen berkaitan atau bahan bukti selaras dengan peruntukan Akta 700.

[CONTOH SALAH LAKU]

Pegawai penguat kuasa tidak membuka kertas siasatan ke atas aduan pengadu yang membuat aduan melalui laporan polis atau sebagainya. Pengadu yang tidak berpuas hati terhadap tindakan pegawai penyiasat yang tidak membuka kertas siasatan bagi melakukan siasatan telah membuat aduan kepada EAIC. Oleh itu, pihak EAIC melakukan siasatan awal ke atas pengaduan pengadu dan mendapati pegawai penyiasat hanya membuka kertas siasatan setelah pengadu membuat aduan kepada EAIC. Ini adalah salah satu contoh salah laku.

(b) Masalah

Antara masalah yang dihadapi oleh EAIC ketika menjalankan siasatan ke atas sesuatu aduan adalah seperti berikut:

Masalah Mengesan Saksi Disebabkan oleh Alamat yang tidak kemaskini

Seringkali EAIC menghadapi masalah untuk mengesan pengadu akibat daripada kegagalan pihak pengadu untuk memaklumkan butiran terkini alamat mereka. EAIC juga menghadapi masalah untuk mengesan saksi-saksi yang telah bertukar tempat kerja atau berpindah ke tempat lain atau telah ditamatkan perkhidmatan.

INVESTIGATION

(a) Investigation Process

When the Commission decides that the complaints of a misconduct is to be fully investigated, the investigation will be dealt with by the Investigating Officer (IO) from the Investigation Section of the Operations Division. Once an Investigation Paper (IP) is opened, the IO will proceed to record the statement of the complainant and proceed to obtain the necessary supporting documents or other related evidence to support the complaint. In some situations, the IO may need to go for site visits to take relevant site photos as well as to seize materials, documents or any other evidence in accordance with the relevant provisions of Act 700.

[EXAMPLE OF MISCONDUCT]

When an enforcement officer fails to open an IP after receiving a complaint, the complainant who is not satisfied with the non-action taken by the enforcement officer may lodge a complaint to EAIC. If after conducting the preliminary investigation, it is found that the enforcement officer only took up the action to open the IP after the complainant lodged a complaint to EAIC, this is construed as a misconduct.

(b) Problems

In conducting the investigations, the followings were the most common problems faced by an IO:

Problems in Tracing the Witnesses due to invalid address

As a result of the failure of the complainant to update his or her latest address with EAIC, an IO is often faced with difficulty in contacting the complainant. The same problem is also encountered when they found that the witnesses had moved to a different workplace or had been terminated.

Kesukaran Mendapat Kerjasama

EAIC juga menghadapi masalah apabila terdapat pengadu atau saksi yang enggan memberi kerjasama apabila diminta untuk hadir bagi dirakam percakapan. Dalam sesetengah keadaan terdapat juga pengadu atau saksi yang mengelak daripada disampaikan notis untuk hadir memberi keterangan di samping enggan memberi kerjasama untuk memberi salinan dokumen atau bahan bukti yang diperlukan.

Pengadu juga mengharapkan EAIC membuat siasatannya sendiri berhubung dengan aduan mereka, dan sering kali enggan memberikan maklumat-maklumat lanjut berkaitan dengan butiran dakwaan atau aduannya seperti nama pegawai yang diadukan, tarikh, masa dan tempat salah laku serta jenis salah laku yang dilakukan.

Bahasa

Masalah berkomunikasi juga merupakan suatu masalah dalam menjalankan siasatan terutama apabila terdapat saksi atau pengadu yang kurang fasih berbahasa Melayu dan tidak memahami soalan yang dikemukakan oleh pegawai penyiasat.

Pengadu Menggunakan EAIC untuk Kepentingan Peribadi

Terdapat juga aduan oleh pengadu yang apabila dibuat siasatan awal aduan tersebut lebih menjurus kepada masalah peribadi pengadu dengan pegawai yang diadukan dan aduan oleh pengadu lebih bersifat untuk kepentingan peribadi atau bermotifkan peribadi.

Siasatan Bertindih

Terdapat juga aduan yang dibuat oleh pengadu merangkumi salah laku oleh beberapa agensi dalam satu kejadian yang sama. Sebagai contoh, dalam operasi membentras pendatang tanpa izin yang melibatkan operasi bersama oleh agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen, PDRM dan RELA. Aduan tersebut adakalanya melibatkan anggota ketiga-tiga agensi tersebut. Dalam hal ini, siasatan oleh EAIC perlu melibatkan ketiga-tiga agensi walaupun ia berpunca dari satu kejadian salah laku semasa operasi.

Pengadu yang Tidak Konsisten

Pengadu tidak mahu meneruskan siasatan terhadap aduannya walaupun siasatan telah dimulakan. Terdapat juga pengadu yang meminta siasatan ditangguhkan sehingga selesai sesuatu proses dalam perkara yang diadukan seperti guaman di mahkamah oleh pengadu terhadap anggota atau agensi terlibat.

Difficulty in Getting Cooperation

EAIC also faces difficulties when the complainants or witnesses refuse to give the necessary cooperation when giving their statements to facilitate the investigation. There are also situations where the complainants or witnesses avoided the service of notice requiring their attendance at EAIC for the purpose of statement recording. There are also complainants who expected EAIC to conduct the investigation without involving them and refuse to provide the necessary material and information pertaining to the complaint of misconduct such as the name of the enforcement officer, date, time, place and the nature of the alleged misconduct.

Language Problem

Communication is another problem faced by an IO in conducting the investigation, particularly when witnesses or complainants were not conversant in the Malay language, and were thus incapable of understanding the questions asked by the IO.

Using EAIC for Personal Gains

EAIC also received various complaints which were not genuine in nature and such complaints were made solely for the personal benefit or motive of the complainant, a fact which was often revealed upon completion of the preliminary investigation.

Overlapping Investigation

There have also been complaints made by the complainant which involved the complaint of misconduct against a few agencies arising from one complaint; for instance, the enforcement operation in eliminating the illegal immigrants, which involved agencies such as the Immigration Department, the RMP and RELA. In such situations EAIC was tasked with investigating all three agencies to determine whether there was misconduct or not.

Inconsistent Complainants

There are also complainants who refused to proceed with the investigation against the complaints made even though EAIC had already initiated the investigation. Some even requested for the investigation to be withheld pending their court action against the enforcement officer or enforcement agency.

Pengadu Menokok Tambah Tohmahan/Dakwaan

EAIC juga menerima pelbagai jenis aduan daripada orang ramai. Terdapat aduan yang diterima bersifat tohmahan. Ini menyebabkan bukan sahaja pegawai yang diadukan ditohmah malah juga merupakan suatu pembaziran masa, tenaga dan kos oleh EAIC dalam melakukan siasatan. Terdapat juga pengadu yang membuat tomahan dan memburukkan kelakuan Orang Yang Diadu (OYDA). Walau bagaimana pun, semasa proses merakam pernyataan, pengadu gagal memberikan fakta-fakta perkara yang diadukan. Hal ini berlaku kerana terdapatnya penambahan atau rekaan cerita yang tidak benar semasa membuat aduan. Oleh yang demikian, bermula pada penghujung tahun 2013, setiap pengadu yang hadir ke pejabat EAIC untuk membuat aduan, rakaman percakapan dibuat di bawah seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah.

Langkah ini bertujuan untuk memastikan maklumat aduan daripada pengadu menjadi lebih lengkap dan kredible bagi mengelakkan aduan dan maklumat palsu yang boleh menjadi satu penganiayaan terhadap pegawai yang diadukan. EAIC juga telah mengambil langkah yang lebih proaktif dalam menerima aduan di mana pegawai-pegawai daripada Bahagian Operasi juga turut turun padang dan menemui pengadu bagi mengumpulkan maklumat dan merakamkan percakapan pengadu.

Pengadu Beremosi

Terdapat juga pengadu yang beremosi pada awalnya ketika aduan dibuat, namun apabila dipanggil untuk merakam pernyataan semasa siasatan penuh eggn bekerjasama untuk memberi percakapan.

Takut Menjelaskan Perkara Sebenar

Terdapat juga saksi yang takut untuk mengatakan perkara yang sebenar tentang apa yang diketahui seperti mana yang didakwa oleh pengadu ke atas OYDA dan semasa dipanggil merakam pernyataan tidak akan memberikan kerjasama penuh. Oleh itu, pegawai penyiasat perlu menggunakan masa yang agak panjang dalam menyakinkan pengadu untuk memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Pengadu Tegar (Habitual)

EAIC juga mengesan terdapatnya pengadu-pengadu tegar (habitual complainants) yang membuat aduan berulang kali berkenaan isu yang sama atau berkenaan hal-hal yang bukan dalam bidang kuasa EAIC. Bagi mengatasi masalah pengadu tegar ini, Bahagian Operasi EAIC telah mengambil inisiatif dengan mengumpulkan

False Accusations

Sometimes the complaints received by EAIC are merely based on suspicions, which is not only unfair to the enforcement officer but is also a waste of the time, energy and cost incurred by the IO in investigating such complaints. Besides that, there were also complaints which are merely based on false accusations against the enforcement officers since the complainants are unable to provide enough evidence during the statement recording to support the complaints. As such, beginning the end of 2013, all complainants are required to record their statements under section 112 of the Criminal Procedure Code.

This move was taken to ensure credible information is received to support the complaint made as well as to avoid false accusations which is unfair to the enforcement officer involved. EAIC has also embarked on a more pro-active action with the aim of avoiding false complaints and abuse, by sending its officers to receive complaints and to record the necessary statements from the public without the need for them to be present at the EAIC's office.

Erratic Complainants

There are also complainants who are over-eager in the initial stages, when lodging their complaints to EAIC but later refused to co-operate during the investigation stage.

Scared Complainants

There are complainants who are too scared to reveal and explain relevant facts pertaining to their complaints. Some refused to give any statement to the IO during the investigation process which led to the IO having to prolong the investigation period since the IO had to spend more time to convince the complainant to give the necessary cooperation.

Habitual Complainants

There are also habitual complainants who made repeating complaints regarding the same matter or matters which are not within the purview of EAIC. In facing such situations, EAIC will collect relevant data pertaining to the habitual complainant from the findings of the preliminary investigation and surveillance conducted by the officers from the Operations Division without compromising the rights of the complainant to lodge a complaint.

data pengadu-pengadu tegar daripada maklumat yang diterima melalui siasatan awal dan risikan pegawai operasi.

Walau bagaimanapun, EAIC tidak menafikan hak pengadu tegar untuk membuat aduan selagi mana EAIC mempunyai bidang kuasa ke atas aduan tersebut.

Aduan Melalui Pihak Ketiga

EAIC juga berdepan dengan masalah aduan yang melibatkan pengaduan melalui pihak ketiga apabila pihak yang sepatutnya tampil membuat aduan enggan hadir dan meminta pihak ketiga membuat aduan bagi pihaknya.

Seringkali pihak ketiga ini tidak mempunyai maklumat yang lengkap dan keterangan pihak ketiga ini adalah lebih bersifat "dengar cakap" (hearsay). Terdapat juga kes-kes dimana aduan dibuat oleh pihak ketiga tanpa kerelaan atau pengetahuan mangsa salah laku tersebut. Keadaan ini menyukarkan EAIC untuk bertindak dan menyiasat.

Kurang Kerjasama daripada Pegawai/Agensi Penguatkuasaan

Terdapat juga segelintir agensi penguatkuasaan yang diadukan kurang memberi kerjasama kepada EAIC. Kelewatan agensi penguatkuasaan dalam memberi maklum balas boleh mengganggu proses penyiasatan awal serta pengurusan aduan di peringkat EAIC.

Selain itu, terdapat juga agensi penguatkuasaan yang memberi maklum balas yang tidak menepati kehendak atau garis panduan yang diberikan oleh EAIC.

Terdapat juga keadaan di mana pegawai operasi EAIC sukar untuk mendapatkan maklumat atau dokumen berkaitan aduan kerana masalah karenah birokrasi/ "red tape" serta keadaan-keadaan yang di luar kawalan EAIC.

Pengadu Mempunyai Masalah Mental

Terdapat di kalangan pengadu mempunyai masalah kesihatan mental dan apabila siasatan dijalankan, didapati bahawa mereka ini merupakan pesakit mental. Terdapat keadaan di mana ketidakwarasan mental pengadu diperlihatkan oleh pengadu semasa sesi rakaman percakapan dijalankan.

Sekiranya EAIC tidak berpuas hati dengan hukuman atau tindakan yang diambil oleh pihak PBT, EAIC boleh membuat satu pengesyoran atau meminta penjelasan tentang sebab sesuatu hukuman atau tindakan itu diambil atau tidak diambil.

In the event that this Commission is not satisfied with the action taken or punishment given, the Commission may make a recommendation or request for further explanations for such actions taken.

Complaint by Third Parties

EAIC also face difficulties when the complaint is made by a third party instead of the complainant himself, particularly when the complainant refuse to give the necessary cooperation to EAIC. The situation is worsened when the third party does not have the necessary information or the necessary supporting documents to support such complaints, as such, rendering the evidence to be hearsay. There are also instances where the complaints are withdrawn by the third party without consulting the actual complainant.

Non-cooperation from the officer or enforcement agencies

There are also situations where some of the enforcement agencies failed or refused to cooperate by withholding the necessary information and documents related to the complaint of misconduct lodged with EAIC.

Besides that, there are also enforcement agencies which fail to provide accurate information or documents as requested or fail to give the necessary response in accordance with the guidelines laid down by EAIC, due to bureaucracy or 'red tape' or other factors which are beyond the control of EAIC.

Mental Illnesses

EAIC also face problems with complainants who are mentally unsound and such situations are discovered upon the completion of the preliminary investigation as well as during the recording of the statement session.



(c) Mesyuarat Suruhanjaya

Dalam Mesyuarat Suruhanjaya, Laporan Dapatan Siasatan akan dibentangkan oleh Pengarah Operasi atau Timbalan Pengarah Operasi. Mesyuarat Suruhanjaya akan membuat keputusan sama ada menerima dapatan dan pengesyoran Laporan Dapatan Siasatan tersebut atau memberikan arahan tindakan lanjut siasatan.

Selaras dengan seksyen 30 Akta 700, jika Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan syor Laporan Dapatan Siasatan, Suruhanjaya akan mengarahkan Bahagian Siasatan untuk membuat penyiasatan lanjut. Kertas pertimbangan akan dibentangkan sekali lagi untuk diputuskan oleh Mesyuarat Suruhanjaya.

Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya adalah sama ada (i) salah laku telah disahkan, atau (ii) tidak ada salah laku, (iii) siasatan dihentikan kerana telah ada tindakan oleh PBT, (iv) siasatan dihentikan kerana pengadu menarik balik aduan dan (v) jika terdapat salah laku telah dizahirkan, dapatan akan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan agar satu prosiding tatatertib dimulakan terhadap OYDA. Keputusan Suruhanjaya akan dimaklumkan kepada pengadu dan OYDA.


(c) The Commission's Meeting

During the Commission's Meeting, the Director of Operations or his Deputy will present the Findings of Investigation for the Commission's deliberation and decision. In the event the Commission is of the opinion that further investigation should be conducted, the Operations Division will continue to further investigate the matter and upon completion of the investigation, the findings will again be resubmitted for the Commission's deliberation and decision.

By virtue of section 30 of Act 700, upon the completion of the investigation, if the Commission finds that the misconduct complained about is not substantiated, the Commission shall record its findings and inform the complainant. If it is found that a disciplinary offence has been established, the Commission shall make its recommendation as to the punishment that should be imposed upon the enforcement officer by the appropriate Disciplinary Authority. In the event that the Commission finds that the misconduct complained about constitutes a criminal offence, it shall compile its report and investigation papers and refer the matter to the Deputy Public Prosecutor.

(d) Statistik Statistics


JADUAL 10 : PECAHAN JUMLAH SIASATAN PENUH TAHUN 2014 MENGIKUT BULAN
TABLE 10 : MONTHLY BREAKDOWN ON NUMBER OF INVESTIGATION PAPERS OPENED FOR THE YEAR 2014



Sebanyak 66 siasatan penuh telah dibuka sepanjang 2014. EAIC telah menapis aduan-aduan yang diterima berdasarkan siasatan awal dan maklumat yang dikumpul dan telah membuat pengesyoran- pengesyoran yang sewajarnya.

A total number of 66 investigation papers were opened in 2014. EAIC has assessed all complaints received and conducted the necessary preliminary investigation, collected relevant information and made the necessary recommendation accordingly.

JADUAL 11 : PECAHAN JUMLAH SIASATAN PENUH TAHUN 2014 MENGIKUT NEGERI
TABLE 11 : BREAKDOWN OF INVESTIGATION PAPERS OPENED ACCORDING TO STATE FOR THE YEAR 2014



JADUAL 12 : PECAHAN JUMLAH SIASATAN PENUH TAHUN 2014 MENGIKUT AGENSI PENGUATKUASAAN
TABLE 12 : BREAKDOWN OF INVESTIGATION PAPERS OPENED ACCORDING TO ENFORCEMENT
AGENCY FOR THE YEAR 2014

AGENSI AGENCIES	JUMLAH TOTAL
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN <i>NATIONAL ANTI-DRUGS AGENCY</i>	0
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA <i>MALAYSIAN MARITIME ENFORCEMENT AGENCY</i>	1
IKATAN RELAWAN RAKYAT MALAYSIA (RELA) <i>MALAYSIA VOLUNTEERS CORPS</i>	0
JABATAN ALAM SEKITAR <i>DEPARTMENT OF ENVIRONMENT</i>	0
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA <i>THE IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA</i>	3
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA <i>ROYAL CUSTOMS DEPARTMENT OF MALAYSIA</i>	0
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN <i>DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH</i>	0
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA <i>NATIONAL REGISTRATION DEPARTMENT</i>	1
JABATAN PENERBANGAN AWAM <i>CIVIL AVIATION DEPARTMENT</i>	0
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN <i>ROAD TRANSPORT DEPARTMENT</i>	2
JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN <i>INDUSTRIAL RELATIONS DEPARTMENT</i>	0
JABATAN PERIKANAN <i>DEPARTMENT OF FISHERIES</i>	1
JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA <i>DEPARTMENT OF WILDLIFE AND NATIONAL PARKS</i>	0
JABATAN TENAGA KERJA <i>LABOUR DEPARTMENT</i>	0
KEMENTERIAN KESIHATAN (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) <i>MINISTRY OF HEALTH (ENFORCEMENT DEPARTMENT)</i>	0
KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA (UNIT PENGUATKUASAAN BAHAGIAN PERLESENAN) <i>THE MINISTRY OF TOURISM MALAYSIA (ENFORCEMENT UNIT LICENSING DIVISION)</i>	0
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGgunaAN (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) <i>THE MINISTRY OF DOMESTIC TRADE, CO OPERATIVE AND CONSUMERISM (ENFORCEMENT DIVISION)</i>	0
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) <i>THE MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT (ENFORCEMENT DIVISION)</i>	0
LEMBAGA PERLESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN <i>COMMERCIAL VEHICLE LICENSING BOARD</i>	0
POLIS DIRAJA MALAYSIA <i>ROYAL MALAYSIAN POLICE</i>	58
JUMLAH TOTAL	66

JADUAL 13 : PECAHAN JUMLAH SIASATAN PENUH TAHUN 2014 MENGIKUT STATUS
TABLE 13 : BREAKDOWN ON THE STATUS OF INVESTIGATION FOR THE YEAR 2014

STATUS SIASATAN INVESTIGATION STATUS	JUMLAH <i>Total</i>
SELESAI <i>COMPLETED</i>	95
MASIH DALAM SIASATAN <i>IN THE PROGRESS OF INVESTIGATION</i>	108
JUMLAH* TOTAL	203

* *Sebanyak 4 siasatan telah selesai pada tahun 2012 dan 2013*

* *A total of 4 investigations were completed in the year 2012 and 2013*

Sepanjang tahun 2014 sejumlah 95 siasatan telah diselesaikan manakala terdapat 108 siasatan yang masih dalam tindakan. Kejayaan menyelesaikan kertas siasatan tersebut disumbangkan oleh penambahan pegawai SPRM yang dipinjamkan kepada EAIC serta usaha pegawai-pegawai EAIC sedia ada yang memberikan tumpuan kepada kerja-kerja siasatan selama beberapa bulan untuk meningkatkan penyelesaian kertas-kertas siasatan tertunggak dari tahun 2012 hingga tahun 2013.

Throughout 2014, a total of 95 investigation papers were completed while 108 investigation papers are still in the midst of the investigation process. EAIC's success in completing the investigations was contributed by the additional number of seconded officers from MACC to EAIC as well as the positive commitment and efforts shown by the existing EAIC officers determined to settle the pending investigation papers from 2012 until 2013.

JADUAL 14 : PECAHAN JUMLAH SIASATAN PENUH TAHUN 2014 MENGIKUT JENIS KEPUTUSAN EAIC
TABLE 14 : BREAKDOWN OF THE DECISION MADE UPON COMPLETION OF FULL INVESTIGATION FOR THE YEAR 2014

Keputusan EAIC EAIC DECISION	Jumlah Siasatan Penuh <i>Total full investigation</i>
DIRUJUK KEPADA PIHK BERKUASA TATATERTIB (PBT) DI BAWAH SEKSYEN 30(1) (B) AKTA 700 <i>REFERRAL TO DISCIPLINARY AUTHORITY UNDER SECTION 30 (1) (B) OF ACT 700</i>	12
DITOLAK <i>COMPLAINT NOT SUBSTANTIATED</i>	83
JUMLAH TOTAL	95

JADUAL 15 : PECAHAN ADUAN MENGIKUT ALASAN ADUAN DITOLAK SELEPAS SIASATAN PENUH TAHUN 2014
TABLE 15 : BREAKDOWN ON THE REASONS A COMPLAINT IS NOT SUBSTANTIATED AFTER FULL INVESTIGATION IN 2014

SIASATAN DITUTUP DI BAWAH SEKSYEN 30(1)(a) AKTA 700 INVESTIGATION CLOSED UNDER SECTION 30 (1) (a) ACT 700	JUMLAH TOTAL
ADUAN DITARIK BALIK OLEH PENGADU <i>WITHDRAWAL OF COMPLAINT BY THE COMPLAINANT</i>	PDRM 8
SALAH LAKU TIDAK DISAHKAN <i>COMPLAINT NOT SUBSTANTIATED</i>	PDRM 55
	KASTAM 2
	KPDNKK 2
	IMIGRESEN 5
	JPJ 3
KEPUTUSAN TELAH DIAMBIL OLEH PIHKAM BERKUASA TATATERTIB (PBT) <i>DECISION MADE BY DISCIPLINARY AUTHORITY</i>	PDRM 4
	JPJ 2
KES BERLAKU SEBELUM KUAT KUASA AKTA 700 <i>COMPLAINT BEFORE THE COMMENCEMENT OF ACT 700</i>	PDRM 2
JUMLAH KESELURUHAN SIASATAN YANG TELAH DITUTUP DI BAWAH SEKSYEN 30(1)(a) AKTA 700 TOTAL OF INVESTIGATION PAPER CLOSED UNDER SECTION 30 (1) (a) IN ACT 700	83

(e) Perbandingan Pencapaian Tahun Sebelum

(e) Comparison with the achievement from the previous year

JADUAL 16 : PERBEZAAN JUMLAH SIASATAN SELESAI BAGI TAHUN 2012-2014
TABLE 16 : THE DIFFERENCES IN THE TOTAL NUMBER OF INVESTIGATIONS COMPLETED IN THE YEAR 2012-2014

TAHUN YEAR	JUMLAH SIASATAN TOTAL NUMBER OF INVESTIGATION PAPER	BILANGAN SIASATAN YANG DI BAWA DARI TAHUN SEBELUMNYA INVESTIGATION PAPER FORWARDED FROM THE YEARS BEFORE	JUMLAH SIASATAN YANG TERKUMPUL INVESTIGATION ACCUMULATED	JUMLAH SELESAI SIASATAN TOTAL NUMBER OF INVESTIGATION COMPLETED	PERATUS PERCENTAGE
2012	65	0	65	2	3.1%
2013	76	63	139	2	1.4%
2014	66	137	203	95	46.7%

Peratusan Kes selesai pada tahun 2014 menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya kerana:

- (1) Faktor penambahan bilangan pegawai penyiasat melancarkan proses siasatan dan penyiapan Kertas Siasatan.
- (2) Pelaksanaan siasatan secara berkumpulan bagi proses pengumpulan maklumat, bukti dan saksi-saksi terlibat.

The percentage of completed investigations in 2014 showed a significant increase compared to the previous years. This is due to the following reasons:

- (1) *The increase in the number of investigation officers; and*
- (2) *The execution of investigations in groups for the purpose of gathering relevant information, evidence and witnesses.*

(f) Tindakan Selepas Siasatan Penuh

(f) Action After Full Investigation

**JADUAL 17 : JENIS SALAH LAKU DIRUJUK KEPADA PBT MENURUT SEKSYEN 24 AKTA 700 SETELAH
SELESAI SIASATAN PENUH TAHUN 2014**
**TABLE 17 : THE TYPES OF MISCONDUCT REFERRED TO THE DISCIPLINARY AUTHORITY AFTER FULL
INVESTIGATION IN YEAR 2014 ACCORDING TO SECTION 24 OF ACT 700**

BIL NO	JENIS SALAH LAKU TYPE OF MISCONDUCT	JUMLAH TOTAL	
		PIHK BERKUASA TATATERIB DISCIPLINARY BOARD	
1	Gagal Mengambil Tindakan yang Munasabah menurut seksyen 24(1)(b) <i>Failure to take reasonable action according to section 24 (1) (b)</i>		8
2	Gagal mengikut Undang-Undang yang telah ditetapkan menurut seksyen 24(1)(d) <i>Failure to follow relevant laws according to Section 24 (1) (d)</i>		2
3	Telah terima <i>Order to Investigate</i> (OTI) dari Pihak Pendakwa Raya tetapi gagal mengambil tindakan selanjutnya menurut seksyen 24(1)(e) <i>Failure to take further action according to section 24 (1) (e) despite having received order to investigate from Public Prosecutor</i>		2
JUMLAH TOTAL			12

JADUAL 18 : JENIS DAPATAN OLEH PBT & SPRM DI BAWAH S.27(3)
SETELAH SESUATU ADUAN DIRUJUK TAHUN 2014

**TABLE 18 : THE TYPES OF FINDINGS BY DISCIPLINARY AUTHORITY AND MACC AFTER A COMPLAINT IS
REFERRED TO UNDER SECTION 27 (3) ACT 700 IN 2014**

JENIS DAPATAN TYPES OF FINDINGS	JUMLAH TOTAL	
	SPRM MACC	PIHK BERKUASA TATATERIB DISCIPLINARY AUTHORITY
Aduan Tidak Berasas / Maklumat Tidak Mencukupi <i>Complaint is not substantiated/insufficient information</i>	1	0
Tindakan tataterib telah diambil di bawah peraturan Pegawai Awam (kelakuan dan tata tertib)1993 <i>Disciplinary action has been taken under public officer (conduct and discipline) regulations 1993</i>	0	1
Pegawai yang diadu diberi surat teguran <i>Warning letter has been issued to the officer concerned</i>	0	1
No Further Action (NFA) <i>No Further Action (NFA)</i>	3	1
Belum Menyampaikan Dapatan <i>Yet to convey findings</i>	7	9
JUMLAH TOTAL	11	12

(g) Kes-Kes Terpilih

Contoh-contoh kes siasatan adalah seperti berikut:

- (1) Kes aduan di mana laporan yang dibuat oleh pengadu menyatakan beliau dipukul dengan senjata yang mendatangkan kecederaan tetapi pegawai penyiasat hanya membuka siasatan di bawah kesalahan seksyen 323 Kanun Keseksaan sedangkan kes sepatutnya diklasifikasikan sebagai seksyen 324 Kanun Keseksaan;

(g) Selected Cases

Examples of cases investigated:

- (1) A police report was made by a complainant reporting that he had been badly injured by an attacker using a dangerous weapon. However the investigation officer only conducted an investigation under Section 323 in the Penal Code instead of under section 324 of the Penal Code.

- (2) Kes aduan terhadap Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang telah menyambung perakuan pendaftaran kenderaan dan menukar nombor pendaftaran kenderaan tanpa persetujuan serta pengetahuan pemilik berdaftar asal; dan
- (3) Kes aduan terhadap pegawai penyiasat yang telah mengklasifikasikan kertas siasatan sebagai Tiada Tindakan Lanjut (TTL/NFA) tanpa merujuk kepada pegawai atasan menyalahi panduan yang diperuntukkan dalam *Standard Operating Procedure* (SOP).

(h) Pemantauan

Selepas Mesyuarat Suruhanjaya membuat keputusan, EAIC menjalankan pemantauan ke atas tindakan susulan yang perlu diambil oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi penguatkuasaan yang berkenaan.

Sekiranya EAIC membuat pengesyoran atau perakuan agar satu prosiding tatatertib dimulakan terhadap OYDA oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT), maka PBT tersebut hendaklah menjalankan siasatan dan menyampaikan dapatan kepada EAIC dalam masa empat belas (14) hari seperitimana dinyatakan dalam seksyen 30(2) Akta 700.

Sekiranya EAIC tidak berpuas hati dengan hukuman atau tindakan yang diambil oleh pihak PBT, EAIC boleh membuat satu pengesyoran atau meminta penjelasan tentang sebab sesuatu hukuman atau tindakan itu diambil atau tidak diambil.


- (2) *A complaint was lodged against the Road Transport Department which had been negligent in renewing the certificate of vehicle registration, having changed the registration number without the consent or knowledge of the lawful registered owner.*
- (3) *A complaint was lodged against an investigation officer who had classified a complainant's report as "No Further Action" without the consent of the supervising body as required in the Standard Operating Procedure (SOP).*

(h) Monitoring

After the findings were made by the Commission at the Commission Meeting, EAIC will monitor the actions that are to be taken by the relevant Disciplinary Authority or the enforcement agency.

In cases where the Commission has recommended for punishment to be imposed upon the enforcement officer concerned, the Disciplinary Authority shall inform the Commission of its action and the grounds for its decision within fourteen (14) days from the date of receipt of recommendation.

In the event that the Commission is not satisfied with the punishment or action taken by the Disciplinary Authority, the Commission shall have the right to make another recommendation or demand an explanation or the reason for such a decision.



EAIC merupakan badan bebas yang menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan sepetimana fungsi EAIC yang diperuntukkan oleh seksyen 4 Akta 700.

As an independent body, EAIC receives complaints of misconduct from the public against an enforcement officer or against an enforcement agency as provided for under Section 4 of Act 700.



BAB CHAPTER **8**

KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT SERVICES

**Sokongan kepada keseluruhan
pentadbiran EAIC** **66**

To support EAIC's administration

Teknologi Maklumat (IT) **66**

*To provide Information Technology
(IT) Support*

Pengangkutan **66**

To provide transportation services

KHIDMAT PENGURUSAN

I. Sokongan Kepada Pentadbiran EAIC Keseluruhan

Bahagian ini bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan yang cekap dan berkesan secara keseluruhan dari aspek pengurusan pentadbiran, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan teknologi maklumat dalam memastikan fungsi EAIC dapat dilaksanakan dengan lancar.

II. Teknologi Maklumat (IT)

Peranan Seksyen Teknologi Maklumat EAIC adalah untuk memastikan semua perkhidmatan, kemudahan dan keperluan teknologi maklumat dan komunikasi (IT) yang merangkumi perkakasan, perisian, rangkaian, keselamatan dan insfrastruktur IT di EAIC diurus dan ditadbir secara tepat dan selamat mengikut keperluan dan masa yang ditetapkan.

Pada tahun ini, Seksyen Teknologi Maklumat bersama-sama dengan Seksyen Komunikasi Korporat telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf lama web EAIC agar lebih mesra pelanggan dan mudah diakses oleh pelawat. Seksyen Teknologi Maklumat telah memainkan peranan dalam memastikan khidmat sokongan teknikal diberikan secara berterusan sehingga kerja-kerja menaik taraf selesai.

III. Pengangkutan

EAIC sentiasa memastikan kemudahan pengangkutan yang baik dan selesa disediakan untuk kegunaan kakitangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing serta kelancaran berterusan bagi setiap program yang dianjurkan dan disertai oleh EAIC. Ia juga adalah untuk menjaga keselamatan dan keselesaan pegawai terutamanya ketika menjalankan tugas di luar pejabat.

Usaha penambahbaikan untuk memberikan kemudahan pengangkutan terbaik kepada kakitangan EAIC terutama bagi memastikan kelancaran operasi EAIC, sentiasa dibuat dari semasa ke semasa. Pada tahun 2013, EAIC telah membeli 1 Unit *Mini Coaster* dan 1 unit *Toyota Fortuner* bagi kegunaan rasmi jabatan. Seterusnya pada tahun 2014, EAIC telah membuat perolehan tambahan Kenderaan Rasmi Jabatan iaitu 1 unit *Proton Inspira*, 1 unit *Toyota Fortuner* dan 1 unit *Toyota Innova*. Perolehan tambahan ini dibuat selaras dengan pertambahan sebanyak tiga (3) jawatan Pemandu yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan berkuatkuasa pada Julai 2013.

MANAGEMENT SERVICES

I. To Support EAIC's administration

This division is responsible for providing a support system for the efficient running of EAIC's functions in terms of administration, human resource management, financial management and information technology.

II. To provide Information Technology (IT) Support

The IT Section is responsible for ensuring that all services, facilities and requirements of information and communication technology (IT), which include hardware, software, networking, security and IT infrastructure in EAIC are managed and administered accurately and safely according to requirements.

This year, the IT Section, together with the Corporate Communication Section has upgraded the EAIC website to provide easier access and a more user-friendly interface to visitors. The IT Section provided continuous support services until the completion of the upgrading works.

III. To provide transportation services

EAIC has always ensured that good transportation facilities and services are available for its staff in order for them to carry out their duties and responsibilities as well as to ensure the smooth running of on-going EAIC programmes. The transportation services also serve to maintain safety and comfort for the officers, particularly when carrying out official duties.

Improvement efforts have been made from time to time to provide the best transport facilities to EAIC staff, to ensure the smooth running of EAIC operations. In 2013, EAIC bought 1 Mini Coaster and 1 Toyota Fortuner for the official use of the department. In 2014, EAIC procured additional Official Department Vehicles: 1 Proton Inspira, 1 Toyota Fortuner and 1 Toyota Innova. The additional procurement was made in accordance with the addition of three (3) drivers which had been approved by the Ministry of Finance, effective from July 2013.



BAB CHAPTER 9

KOMUNIKASI KORPORAT

CORPORATE COMMUNICATIONS

PROGRAM DAN AKTIVITI	
PENDEKATAN ORANG AWAM	68
<i>Public Engagement Programs and Activities</i>	
Penyiaran Iklan di Televisyen dan Radio	68
<i>Broadcasting of Television and Radio Commercials</i>	
Penaiktarafan Laman Sesawang	70
<i>Upgrading and Enhancements of Website</i>	
'EAIC & Anda'	71
<i>'EAIC & Anda'</i>	
Hari Bertemu Pelanggan	72
<i>Meet The Clients' Day</i>	
PENCEGAHAN	73
<i>Prevention</i>	
Dialog bersama Agensi Penguatkuasaan	73
<i>Dialogue With Enforcement Agencies</i>	
Lawatan kerja ke Agensi Penguatkuasaan	74
<i>Visits To Enforcement Agencies</i>	
Taklimat / Ceramah	90
<i>Seminar / Talks</i>	
HUBUNGAN DENGAN AGENSI BERKAITAN	96
<i>Rapport with Agencies</i>	
MAKUM BALAS PELANGGAN	97
<i>Customers' Feedbacks</i>	
PEMANTAUAN MEDIA MENGENAI SALAH LAKU	102
<i>Media Monitoring of Misconducts</i>	

KOMUNIKASI KORPORAT

Seksyen Komunikasi Korporat bertanggungjawab menyelaras fungsi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) di bawah seksyen 4 (e) Akta 700 iaitu *menggalakkan kesedaran tentang penambahbaikan dan pendidikan berhubung dengan integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa.*

Bagi mencapai matlamat dan objektif di bawah fungsi ini, Seksyen Komunikasi Korporat telah menganjurkan beberapa program pendekatan yang berbentuk advokasi dan pencegahan kepada pelbagai lapisan masyarakat sepanjang tahun 2014. Program-program ini juga adalah medium saluran promosi dan publisiti secara konsisten kepada orang awam untuk memahami fungsi dan peranan EAIC. Program dan aktiviti pendekatan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

PROGRAM DAN AKTIVITI PENDEKATAN ORANG AWAM

(a) Penyiaran Iklan di Televisyen dan Radio

EAIC telah menyiarkan iklan komersialnya buat pertama kali pada tahun ini di stesen televisyen TV1, TV2, TV3 serta Radio Sinar FM dan Mix FM. Iklan ini telah diterbitkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan durasi selama 15 dan 30 saat. Penyiaran ini bertujuan untuk menghebahkan kewujudan dan fungsi EAIC secara ringkas dan mempromosikan akses ke laman sesawang EAIC iaitu www.eaic.gov.my.

CORPORATE COMMUNICATIONS

The Corporate Communications Section is responsible for coordinating the role of the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) under Section 4 (e) of Act 700 which is to promote awareness and enhancement of and education on integrity within an enforcement agency, and to reduce misconduct amongst enforcement officers.

To accomplish its goals and targets, the Corporate Communications Section organized several advocacy and prevention programmes for the public throughout 2014. These programmes served as an effective promotional and communication channel for the public to further understand the role and functions of EAIC. The programmes and outreach activities that were organised were as follows:

PUBLIC ENGAGEMENT PROGRAMS AND ACTIVITIES

(a) Broadcasting of Television and Radio Commercials

EAIC aired its first TV and radio commercials on RTM 1, RTM 2, TV3 and Sinar FM and Mix FM. The 15 and 30 second commercials were broadcast in Bahasa Melayu and English. It aimed to publicize EAIC's roles and functions and to promote access to the Commission's website at www.eaic.gov.my.



Antara petikan dari visual iklan EAIC yang disiarkan dari 4 hingga 27 Mei 2014

Excerpts from the TV commercial broadcast in RTM1, RTM2 and TV3 from 4 to 27 May 2014

Melalui iklan ini juga EAIC telah melancarkan proses penjenamaan semula kepada nama singkatan / akronimnya iaitu kepada **EAIC (Enforcement Agency Integrity Comission)**.

Hasil dari penyiaran iklan ini, EAIC telah menerima maklum balas yang positif berdasarkan peningkatan drastik jumlah pengunjung laman sesawang EAIC yang boleh dilihat melalui graf di bawah.


Selain itu, iklan ini turut memberikan impak publisiti yang memberansangkan kepada EAIC berdasarkan peningkatan jumlah pengikut (*followers*) EAIC di akaun facebook kepada 2380 orang dan 1114 di akaun twitter sehingga 31 Disember 2014.

The commercial also launched the rebranding of the Commission's abbreviation/acronym, EAIC (Enforcement Agency Integrity Commission).

As a result of the commercial, EAIC received excellent feedback which could be seen from the drastic increase of its website visitors as pictured in the graph below:

The commercial also resulted in increasing the number of followers on EAIC's official Facebook account to 2,380 people and to 1,114 on Twitter as of December 31, 2014.

Graf menunjukkan kenaikan drastik pengunjung laman sesawang EAIC selepas penyiaran iklan
The increasing number of EAIC website visitors after the TV and radio commercials were broadcast



(b) Penaiktarafan Laman Sesawang


Dalam usaha menyebarluas maklumat kepada orang awam dengan lebih efektif, EAIC telah menaik taraf laman sesawang EAIC www.eaic.gov.my. Laman sesawang ini telah dinaiktaraf dari segi paparan reka bentuk yang lebih interaktif dan bersifat mesra pelanggan. Pengurusan maklumat di dalam laman ini sentiasa dipantau dan dikemaskini bagi memastikan pengguna yang melayarinya menerima informasi yang terkini.

Selain dari berfungsi sebagai sumber rujukan kepada orang awam mengenai perkhidmatan teras (*core business*) EAIC, laman ini juga bertindak sebagai medium informasi bagi maklumat korporat dan pentadbiran organisasi secara umum. Laman sesawang ini dijangka akan beroperasi dalam dwi bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) pada tahun 2015 bagi mengoptimumkan jumlah penggunanya dari semasa ke semasa.

(b) Upgrading and Enhancements of Website

In its effort to disseminate information to the public effectively, EAIC has upgraded and constructed some enhancements on its website which can be accessed at the address: www.eaic.gov.my. The front layout has been given a face-lift to be more interactive and user-friendly. The information on this web page is constantly supervised and updated to ensure only the latest information is put up.

Apart from being a public source of reference regarding EAIC's core business, the webpage also contains corporate information of the Commission. The website is expected to be operational in dual languages (Bahasa Melayu and English) in 2015 in order to optimize the number of users.



Petikan gambar dari muka hadapan laman sesawang yang baru
A snapshot from the new webpage layout

(c) "EAIC & Anda"

"EAIC & Anda" adalah satu usaha EAIC untuk mendekati pelbagai lapisan masyarakat termasuk belia, persatuan komuniti penduduk (bandar dan luar bandar), pelajar dan lain-lain. Program ini dijalankan melalui kolaborasi dan penyertaan EAIC dalam program-program anjuran agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan yang mempunyai kapasiti pengunjung dan peserta yang tinggi.

Antara pengisian semasa program ini adalah sesi pameran, penerimaan aduan, dialog bersama komuniti, Kuiz Beroda EAIC, Kempen Jom Like Facebook EAIC dan Kempen Follow Twitter.

Lima sesi "EAIC & Anda" pada tahun ini telah diadakan seperti berikut:

BIL NO.	PROGRAM PROGRAMS	TARIKH DATE	TEMPAT VENUE
1.	Festival Belia 2014 <i>Youth Festival 2014</i>	23-25 Mei 23-25 May	Putrajaya
2.	Program Mesra Rakyat anjuran Biro Pengaduan Awam dan Majlis Daerah Sabak Bernam <i>Program Mesra organized by Public Complaint Bureau and Sabak Bernam District Council</i>	6 September 6 September	Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor
3.	Program Mesra Pelanggan anjuran Biro Pengaduan Awam dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis <i>Program Mesra organized by Public Complaint Bureau and Secretary of Perlis State</i>	30 September 30 September	Kangar, Perlis
4.	Program Mesra anjuran Biro Pengaduan Awam Cawangan Manjung, Perak <i>Program Mesra organized by Public Complaint Bureau Manjung Branch, Perak</i>	20 November 20 November	Manjung, Perak
5.	Hari Terbuka Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) <i>The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Open Day</i>	9 Disember 9 December	Midvalley Megamall, Kuala Lumpur

Berdasarkan maklum balas pelanggan (melalui edaran borang maklum balas kepada pengunjung booth) orang awam berpuas hati dengan sesi penerangan yang diberi dan aktiviti yang dianjurkan semasa program tersebut. Pengunjung turut mencadangkan program yang bersifat mesra pelanggan itu diperbanyak lagi pada masa akan datang terutama kepada penduduk luar bandar.

EAIC menyambut baik cadangan ini dan akan memanfaatkan platform ini secara berterusan pada masa akan datang untuk mencapai matlamatnya seperti mana yang diperuntukkan di dalam Akta 700.

(c) "EAIC & Anda"

"EAIC & Anda" was one of EAIC's efforts to engage with various levels of the public including the youth, the rural and the urban communities, and students. The event involved joint collaborations with many Government and non-Government agencies' programmes which attracted a large number of visitors and participants.

Various activities were conducted during the events. They included exhibitions, complaint booths, and dialogue sessions with the community, as well as quizzes, and the 'Jom Like Facebook EAIC' and 'Follow Twitter' Campaigns.

Five sessions of "EAIC & Anda" were held as follows:

Based on the customers' surveys and feedback forms distributed, the visitors were satisfied with the explanations provided and activities held during the programmes. They also suggested that such sessions be organized more often in the future, especially in the rural areas. EAIC will take up the suggestion and use the platform continuously in order to achieve its mission as provided in Act 700.

(d) Hari Bertemu Pelanggan

Sesi Bertemu Pelanggan EAIC adalah salah satu program yang berfungsi sebagai medium interaktif dengan orang awam untuk mengetahui peranan EAIC. Kaunter aduan turut dibuka untuk orang awam membuat aduan salah laku terhadap 21 agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC.

Sepanjang tahun 2014 Sesi Bertemu Pelanggan EAIC yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL NO.	TEMPAT PLACE	TARIKH DATE
1.	Bangunan Menara Usahawan, Putrajaya	28 Februari 28 February
2.	Kompleks UTC Alor Setar, Kedah	20 Mac 20 March
3.	Kompleks UTC Pudu Sentral, Kuala Lumpur	30 April 30 April
4.	Bangunan Jabatan Pendaftaran Negara, Putrajaya	26 Jun 26 June
5.	Terminal Bersepadu Selatan, Kuala Lumpur	17 Julai 17 July
6.	Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Jalan Duta	21 Ogos 21 August
7.	Bangunan Persekutuan, Petaling Jaya	28 Oktober 28 October

Program ini mendapat sambutan dan maklum balas yang memberansangkan daripada orang ramai. Selain dari mendapatkan maklumat berkenaan latar belakang dan operasi EAIC, orang ramai turut membuat aduan secara langsung berkenaan agensi penguatkuasaan seliaan semasa sesi ini dijalankan.

(d) EAIC 'Meet The Clients' Session

EAIC's *'Meet the Clients'* Day was a session organized to provide the opportunity for the public to obtain information about EAIC's services. The complaint counter was also open to the public to allow them to lodge misconduct complaints on any of the 21 enforcement agencies under EAIC's purview.

The sessions throughout 2014 were held as follows:

The sessions received a positive feedback from the public. Apart from understanding EAIC roles and operations, many came forward to lodge complaints during the sessions itself.



PROGRAM PENCEGAHAN

Sejajar dengan matlamat dan fungsinya di bawah seksyen 4 (1) (e) dan (h) Akta 700, iaitu mencegah dan menangani masalah salah laku pegawai penguat kuasa, EAIC telah menjalankan dua program utama iaitu dialog dan lawatan kerja ke agensi-agensi seliaannya di seluruh negara.

(a) Dialog Bersama Agensi Penguatkuasaan

EAIC telah menyambung siri dialog bersama agensi penguatkuasaan melibatkan Zon Utara pada tahun ini iaitu merangkumi pegawai-pegawai penguat kuasa dari negeri Kedah, Perlis dan Perak. Sesi dialog ini telah dijalankan pada 19 Mac 2014 di Dewan Perbadanan Produktiviti, Seberang Perai, Pulau Pinang. Sesi ini telah dihadiri oleh Pengurus dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya EAIC dan Ketua-Ketua Pengarah / Jabatan, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan dari bahagian penguatkuasaan dan undang-undang daripada Agensi-agensi Penguatkuasaan negeri dan daerah.

Matlamat dan objektif Suruhanjaya bukan sekadar melindungi kepentingan orang awam melalui penerimaan aduan dan penyiasatan terhadap kes-kes yang diadukan, malah Suruhanjaya juga adalah tonggak peneraju dalam memperkasakan integriti pegawai dan agensi penguatkuasaan

"The mission and objective of the Commission are not only to protect the public's rights by receiving a complaint and investigating cases. The Commission is the pioneer in strengthening the integrity of an enforcement officer and the agency"

- Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan,
Pesuruhjaya EAIC
Commissioner of EAIC

EAIC turut mengadakan forum soal jawab bersama pegawai penguat kuasa berkenaan operasi dan proses pengurusan aduan dan siasatan oleh EAIC. Contoh-contoh salah laku dan statistik aduan dan siasatan turut dibincangkan.

Forum yang sama telah dimanfaatkan oleh Pesuruhjaya untuk berdialog secara langsung dengan anggota penguat kuasa berkenaan matlamat dan hala tuju EAIC, cabaran yang dihadapi dan perbincangan untuk penambahbaikan bersama pada masa akan datang.

Berdasarkan maklum balas daripada borang penilaian peserta, hampir kesemua anggota penguat kuasa yang hadir memahami dengan jelas konsep integriti dan

PREVENTION PROGRAMMES

In line with its objectives and functions under sections 4 (1) (e) and (h) of Act 700 which is to prevent and reduce misconduct among enforcement officers, EAIC organized two main prevention programmes; dialogue sessions with enforcement agencies under its purview and visits to the same agencies.

(a) Dialogue with Enforcement Agencies

EAIC continued the dialogue series with a session with the enforcement agencies in the Northern Zone encompassing enforcement officers from Kedah, Perlis and Perak. The dialogue session was conducted on March 19, at the National Productivity Council, Seberang Perai, Pulau Pinang and was attended by officers of various levels from the Enforcement and Law Divisions of the enforcement agencies under EAIC's purview including the heads of departments and senior officers.

The dialogue included a Q&A session on EAIC's operational and complaints management process and investigations. The discussion also included examples of misconduct, complaints and investigation statistics. The Commissioner also personally engaged with the members of the enforcement agencies to discuss challenges and future improvements.

Based on the participant evaluation forms, almost all of them understood the concept and value of integrity in carrying out their duties. In terms of awareness of EAIC, 60% of the participants were aware of EAIC's background, power, roles and functions while 40% recognized EAIC as the agency that monitors enforcement agencies without understanding its scope and function which they assumed

telah dijadikan garis panduan dalam melaksanakan perkhidmatan dan tugas. Dari segi pengetahuan mengenai EAIC, 60% dari keseluruhan peserta yang hadir telahpun mengetahui latar belakang, peranan / fungsi serta bidang kuasa EAIC manakala 40% hanya mengenali EAIC sebagai agensi yang menyelia agensi penguatkuasaan namun tidak memahami skop dan bidang tugas yang dilihat mempunyai persamaan dengan Biro Pengaduan Awam dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

(b) Lawatan Kerja ke Agensi Penguatkuasaan Seliaan Suruhanjaya

Dalam melaksanakan fungsinya di bawah seksyen 4 (1) (h) iaitu *membuat lawatan ke premis agensi penguatkuasaan, termasuk balai polis dan lokap serta membuat syor berkenaan tatacara*, EAIC telah memfokuskan lawatan kerja pada tahun ini ke agensi-agensi seliaannya yang mempunyai peratusan aduan tertinggi. Di samping membina jalinan *networking* dan kerjasama, lawatan-lawatan ini turut membincangkan isu-isu, masalah dan kekangan yang dihadapi oleh pegawai penguat kuasa / agensi penguatkuasaan dalam melaksanakan perkhidmatan dan operasi penguatkuasaan. Lawatan kerja yang telah dijalankan pada tahun ini adalah seperti berikut:

TARIKH DATE	LAWATAN VISIT TO	TEMPAT PLACE
5 Feb 5 Feb	Jabatan Imigresen Malaysia <i>Selangor Immigration Department of Malaysia</i>	Shah Alam, Selangor
	Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Kuala Lumpur <i>Kuala Lumpur Road Transport Department</i>	
12 Feb 12 Feb	Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia <i>Kuching Contingent Police Head Quarter (HQ)</i>	
13 Feb 13 Feb	Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan <i>Commercial Vehicle Licensing Board</i>	Kuching, Sarawak
	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia <i>Malaysian Maritime Enforcement Agency</i>	
14 Feb 14 Feb	Jabatan Kastam Diraja Malaysia <i>Royal Customs Department of Malaysia</i>	
	Jabatan Imigresen Malaysia <i>Sarawak Immigration Department of Malaysia</i>	
20 Mac 20 March	Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Kedah <i>Alor Setar Contingent Police HQ</i>	Alor Setar, Kedah
	Jabatan Imigresen Malaysia <i>Alor Setar Immigration Department of Malaysia</i>	
16 April 16 Apr	Jabatan Imigresen Malaysia Cawangan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur <i>KLIA Immigration Department of Malaysia</i>	Sepang, Selangor
	Jabatan Kastam Diraja Malaysia Cawangan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur <i>KLIA Royal Customs Department of Malaysia</i>	

were similar to the Public Complaint Bureau and Malaysian Anti-Corruption Commission.

b) Visits to the Enforcement Agencies Under the Commission's Purview

In accordance with the functions provided under section 4 (1) (h), that is to visit the premises of enforcement agencies, including police stations and lockups and to make any necessary recommendations relating to its procedures, EAIC visited the agency with the highest number of complaints. While hoping to establish rapport and cooperation, the visit also involved discussions on challenges faced by enforcement officers and the agencies in carrying out their tasks.

The visits conducted throughout this year were as follows:

TARIKH DATE	LAWATAN VISIT TO	TEMPAT PLACE
23 April 23 Apr	Jabatan Kastam Diraja Malaysia <i>Langkawi Royal Customs Department of Malaysia</i>	Langkawi, Kedah
27 Mei 27 May	Jabatan Imigresen Malaysia <i>Johor Immigration Department of Malaysia</i>	
28 Mei 28 May	Jabatan Kastam Diraja Malaysia <i>Johor Royal Customs Department of Malaysia</i>	Johor Bahru, Johor
	Jabatan Perikanan Malaysia <i>Johor Fisheries Department</i>	
12 Ogos 12 Aug	Jabatan Perhubungan Perusahaan <i>Industrial Relations Department</i>	Putrajaya
28 Ogos 28 Aug	Agensi Antidadah Kebangsaan <i>Negeri Sembilan National Anti-Drugs Agency</i>	Seremban, Negeri Sembilan
30 Sept 30 Sept	Jabatan Pengangkutan Jalan <i>Melaka Road Transport Department</i>	
1 Okt 1 Oct	Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Melaka dan Balai Polis Melaka Tengah <i>Melaka Contingent Police, Melaka Tengah Police Station and Melaka Tengah Lockup</i>	Melaka
2 Okt 2 Oct	Kementerian Perdagangan, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan Enforcement Division, <i>Ministry of Domestic Trade, Cooperative And Consumerism</i>	
	Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Negeri Sembilan Balai Polis dan Lokap Bersepadu Sikamat <i>Negeri Sembilan Contingent Police HQ, Sikamat Police Station and Sikamat Integrated Lockup</i>	Negeri Sembilan

SYOR PENAMBAHBAIKAN KEPADA AGENSI PENGUATKUASAAN

Seperi yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 (d) dan (h) EAIC juga bertanggungjawab mengadakan pengauditan dan pemantauan serta membuat pengesyoran penambahbaikan mutu perkhidmatan agensi penguatkuasaan.

Susulan dari lawatan kerja dan sesi-sesi audit yang telah dijalankan, isu-isu perbincangan, syor serta pandangan daripada EAIC telah dikemukakan secara bertulis kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang telah dilawati untuk penambahbaikan yang perlu.

Isu-isu serta syor-syor penambahbaikan ini adalah seperti berikut.

RECOMMENDATIONS FOR ENFORCEMENT AGENCIES

In accordance with sections 4 (d) and (h), EAIC is responsible for auditing and monitoring as well as making necessary recommendations to improve the integrity among enforcement officers. Based on the visits and monitoring conducted, issues, discussions and recommendations were submitted to the top management of the enforcement agencies for their action.

The issues and recommendations were as follows:

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR ROAD TRANSPORT DEPARTMENT

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
1.	<p>TEMPOH PENEMPATAN KAKITANGAN JPJ YANG LAMA</p> <p>Penempatan kakitangan perkeranian (terutama di cawangan <i>hotspot</i>) terlalu lama menjadikan timbulnya hubungan dan komitmen bersama ejen-ejen dan orang awam yang selalu berurusan di sesbuah cawangan.</p> <p>ROAD TRANSPORT DEPARTMENT STAFF WITH LONG SERVICE PERIOD</p> <p><i>The service period for clerical staff (especially in the hotspot branches) were too long which led to the occurrences of 'rapport' with agents and regular customers at the specific branches.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Had tempoh penempatan (<i>on job rotation</i>) di kalangan kakitangan, iaitu tempoh maksimum yang dicadangkan adalah 3 tahun bagi mengurangkan risiko perbuatan salah laku termasuk bersabahat dengan ejen. ii. Disyorkan juga dalam tempoh tersebut kakitangan tidak diletakkan di bawah bidang tugas yang sama bagi mengelakkan wujudnya hubungan tidak sihat dengan pelanggan. <ul style="list-style-type: none"> i. <i>The Department should implement on-job rotation among the staff, for a maximum period of 3 years, to lessen the risk of misconduct including abetting with an agent.</i> ii. <i>With the new rotation, an employee shall not be assigned the same duties in order to avoid unhealthy relationships with the customers.</i>
2.	<p>KELEMAHAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN SOP YANG TIDAK JELAS</p> <p>Pelaksanaan sistem biometrik yang sepatutnya digunakan pada September 2013 telah ditunda ke Mac 2014.</p> <p>WEAKNESSES IN SERVICE DELIVERING SYSTEM AND VAGUE SOP</p> <p><i>The biometric system which was supposed to be implemented in September 2013 was postponed to March 2014.</i></p>	<p>Sistem ini seharusnya dilaksanakan secara berperingkat. Penerangan berkenaan aplikasinya perlu dijalankan dengan konsisten dan berterusan supaya orang ramai dan pihak industri faham dan dapat mengkoordinasinya secara bersama.</p> <p><i>The system shall be launched in stages. A briefing and awareness campaign on its application shall be held continuously so that the public and industries will understand and may work on it in mutual cooperation.</i></p>
3.	<p>CABARAN PERSEPSI NEGATIF ORANG AWAM TERHADAP PROSEDUR DAN TEMPOH PERKHIDMATAN DI KAUNTER</p> <p>JPJ berdepan dengan cabaran untuk menangani persepsi negatif orang awam yang terhadap birokrasi prosedur dan tempoh perkhidmatan di kaunter contohnya orang awam memilih untuk tidak menjalani pemeriksaan kawalan kualiti (<i>quality control</i>) secara prosedur yang betul sebaliknya memilih untuk menggunakan khidmat orang tengah untuk mendapat kelulusan dengan lebih cepat. Ini berpunca daripada manipulasi orang tengah yang mengatakan prosedur JPJ adalah sukar adalah penyebab kepada persepsi ini.</p>	<p>Penjelasan dan hebahan kesedaran berkenaan prosedur kepada orang awam perlu diperluaskan lagi bagi menjelaskan bahawa perkhidmatan di kaunter yang mengikut prosedur sebenar adalah cepat dan tidak memakan masa lama.</p>

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
	<p>PUBLIC'S NEGATIVE PERCEPTION TOWARDS PROCEDURE AND SERVICE COUNTER PROCESSING DURATION</p> <p><i>The Road Transport Department is currently facing public resentment and negative perception towards its bureaucratic procedures and the service duration of the counters. Instead of following the procedure in quality control inspection (QC) many customers choose to use the service of agents in order to obtain a faster approval. This perception stems from manipulation by agents who exaggerate the process which has led to the negative perception.</i></p>	<p><i>The public shall be made aware of the relevant procedures and explanations should be given to clarify the misconception. The services shall also be done in accordance to the standard operating procedure and be completed within a reasonable time.</i></p>
4.	<p>KEUPAYAAN MEMBUAT PENGESAHAN TERHADAP DOKUMENTASI</p> <p>JPJ akan memproses permohonan yang telah diberikan berserta dokumen yang lengkap, namun dari segi kesahihan dokumen tidak ada dalam bidang kuasa untuk membuat pengesahan / verifikasi. Ini adalah salah satu punca kejadian pemalsuan dokumen.</p> <p>LACK OF CAPACITY FOR DOCUMENT VERIFICATION</p> <p><i>The Road Transport Department processes all completed applications but does not have the power to validate or verify the documents submitted. This has led to the risk of falsification of documents.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> i. SOP berkaitan dengan pengesahan atau verifikasi hendaklah diwujudkan bagi memastikan cap jari atau tandatangan adalah milik sah pelanggan. ii. Peraturan berkaitan dengan pengesahan dokumentasi hendaklah digubal. iii. Sistem biometrik yang mempunyai hubung kait dengan masalah ini perlu dipercepatkan perlaksanaannya <ul style="list-style-type: none"> i. An SOP relating to validation or verification shall be established to ensure the fingerprint or signatures of the customers are genuine. ii. Regulations relating to the validation of the document shall be enacted. iii. The biometric system implementation shall be accelerated.
5.	<p>MANIPULASI EJEN</p> <p>Orang awam lebih gemar berurusan dengan ejen contohnya dalam urusan pendaftaran kenderaan bagi mengelakkan birokrasi dan proses yang lama oleh JPJ.</p> <p>AGENT MANIPULATION</p> <p><i>The public are likely to engage with agents in such transactions such as vehicle registration in order to avoid red tape and the long process at the Road Transport Department.</i></p>	<p>Untuk mengelakkan manipulasi sedemikian, kempen kesedaran dan pencerahan berkenaan sistem atas talian (untuk tujuan pembaharuan pendaftaran kenderaan, pembaharuan lesen dan cukai jalan) perlu diadakan dengan lebih kerap.</p> <p><i>To avoid the manipulation, an awareness campaign on the online system which accommodates vehicle registration, as well as license and road tax renewals should be held more often.</i></p>

JPJ MELAKA
THE MELAKA ROAD TRANSPORTATION DEPARTMENT

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
1.	<p>Provokasi oleh orang awam semasa membuat operasi / sekatan jalan raya, contohnya dimaki hamun dan menghalang anggota JPJ dari mengambil tindakan contohnya mengeluarkan saman.</p> <p><i>There are often cases of provocation by the public during operations or roadblocks. For example, enforcement officers are provoked, insulted and prevented from issuing summons.</i></p>	<p>Memandangkan situasi ini berkait dengan gangguan penjawat awam menjalankan tugas, laporan Polis boleh dibuat dan akan disiasat di bawah seksyen 186 Kanun Keseksaan (Akta 574).</p> <p>Dinasihatkan supaya tidak bertindak di luar kawalan dan menjaga budi bicara terutama penggunaan bahasa semasa berkomunikasi dengan orang awam. Ini susulan <i>trend</i> pada masa ini orang awam gemar membuat rakaman video / audio tanpa disedari oleh anggota penguat kuasa dan rakaman ini boleh dijadikan bukti untuk dituduh atau aduan dibuat.</p> <p><i>In the case of interfering a civil servant from carrying out his/her duty, a police report can be lodged and the case will be investigated under section 186 of the Penal Code (Act 574). It is advisable not to act out of control and maintain discretion, especially when communicating with the public in view of the current trend of recording hidden videos or audios of enforcement officers and later using them as evidence against the officers or as basis to lodge a complaint.</i></p>
2.	<p>Rekod penyimpanan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di premis dan kaunter perkhidmatan JPJ di Cawangan Bukit Katil.</p> <p><i>The records of the closed circuit television (CCTV) on the premises and at the service counters of the Bukit Katil branch of the Road Transport Department.</i></p>	<p>Disyorkan supaya mempunyai rekod sistem penyimpanan data rakaman yang sistematik dan dibuat salinan sebelum dipadam (secara automatik) selepas dua (2) minggu dan juga sentiasa dikemaskini untuk tujuan siasatan pada masa akan datang.</p> <p>Rakaman ini bukan hanya untuk tujuan pemantauan tetapi juga bagi tujuan rujukan / rekod / bukti mengenai sesuatu permasalahan. Ia boleh juga digunakan sebagai bahan rujukan dalam modul latihan pada masa akan datang.</p> <p><i>It is recommended that RTD have a record-keeping system that will automatically backup data before it is deleted after two (2) weeks. The record management system must be updated for the purpose of any future investigation.</i></p> <p><i>This recording is not only for monitoring purposes, but also for reference and may be used as evidence if any issue arises. It can also be used as reference in future training modules.</i></p>

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM) NEGERI SELANGOR

THE SELANGOR IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
1.	<p>KELEMAHAN PREMIS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lokap tahanan yang memuatkan tahanan pendatang asing tanpa izin (PATI) adalah terhad muatannya. • Kelewatan penghantaran pulang PATI – Proses penghantaran tahanan PATI pulang ke negara masing-masing dijalankan mengikut SOP dan terdapat proses yang memakan masa lama dan ini menyebabkan kelewatan penghantaran dan menjelaskan kapasiti pusat tahanan dan lokap dan tidak cukup untuk menampung tahanan baru. • Kelemahan Keselamatan – Lokap di Wisma PKNS tidak bersesuaian kerana tahanan didedahkan kepada orang awam dan pelbagai risiko akan timbul. • Kekurangan tempat penyimpanan – Ruang penyimpanan barang-barang rampasan juga adalah terhad. <p>WEAKNESSES OF THE PREMISES</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>The lockup capacity to accommodate illegal immigrants is limited.</i> • <i>Delays in deployment - The deployment of illegal immigrants to their respective countries are conducted in accordance with the SOP and there are a few processes which consume more time than others. Such processes will cause a delay in the deployment and consequently will affect the capacity of the detention center and lockup and may cause disruption in accommodating new detainees.</i> • <i>Lack of security – Having a lockup in Wisma PKNS is not appropriate as detainees may be exposed to the public during transfers to and from the lockup and various security risks may arise.</i> • <i>Lack of storage – There is limited storage space to store seized items.</i> 	<p>Berdasarkan lawatan dan pemerhatian EAIC, syor kepada JIM Selangor adaah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Memiliki premis sendiri – yang bukannya di dalam premis awam; ii. Lokap tahanan PATI perlu diasingkan dari bilik gerakan / operasi anggota penyiasat / penguat kuasa dan perlulah mengambil kira dan menitikberatkan faktor penambahbaikan keselamatan dan kesihatan bagi kedua-dua pihak. iii. Pemeriksaan kesihatan tahanan oleh Pejabat Kesihatan direkod dalam buku log untuk mengelakkan isu-isu hak asasi manusia atau kes-kes tohmannan seperti kematian dalam tahanan, kecuaian dan penyakit berjangkit yang tidak diketahui. iv. Ruang penyimpanan barang eksibit adalah penting bagi memastikan keselamatan barang kes untuk mengelakkan masalah teknikal di Mahkamah. Oleh yang demikian perlu diwujudkan stor yang menepati ciri-ciri keselamatan. v. Pengasingan tahanan juvana – berdasarkan pemerhatian didapati tahanan juvana diletakkan bersama-sama tahanan wanita. <p><i>Based on the visit and observation by EAIC, recommendations to Selangor Immigration Department of Malaysia are as follows:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> i. <i>The lockup area shall be on a separate premises, not in a public area.</i> ii. <i>The lockup shall also be separated from the secretariat offices (investigation, operation and enforcement offices) to ensure security for all parties.</i> iii. <i>The results of the inmates' health inspections by the Health Department shall be recorded in the log book to avoid issues of violation of human rights or accusations in cases of death while in custody, health care negligence and infectious diseases (the cause of which may not be known).</i> iv. <i>Proper storage is important to ensure the safety of case exhibits to avoid technical problems in court. Therefore, appropriate storage space with standard security should be allocated.</i> v. <i>There shall be a separate juvenile detention area. Based on the observation, juvenile detainees are accommodated in the same cell as the women detainees.</i>

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
2.	<p>KEKANGAN BILANGAN PEGAWAI / ANGGOTA PENGUAT KUASA</p> <p>Kekurangan bilangan pegawai dan anggota penguat kuasa turut menjelaskan operasi yang berkaitan dengan orang awam sekaligus menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan mereka (orang awam).</p> <p>INADEQUATE NUMBER OF ENFORCEMENT OFFICERS</p> <p><i>The shortage in the number of enforcement officers has affected the execution of operations and the insufficient number of operations conducted consequently has caused dissatisfaction among the public.</i></p>	<p>Penambahan anggota dan kemudahan seharusnya diberikan perhatian yang lebih serius. Ini selaras dengan usaha menjayakan salah satu teras Bidang Keberhasilan Utama Negar (NKRA) iaitu untuk mengurangkan jenayah.</p> <p><i>Adding to the number of officers and building more adequate facilities should be made a priority, in line with one of the National Key Result Areas, which is to reduce crime.</i></p>
3.	<p>BIDANG KUASA YANG TERHAD</p> <p>JIM turut berhadapan dengan isu bidang kuasa yang terhad sehubungan dengan penangkapan PATI yang tidak mempunyai permit kerja yang sah. Terdapat aduan dan desakan yang seringkali diutarakan oleh orang awam untuk menjalankan operasi di luar bidang kuasa JIM contohnya seperti menahan pekerja tempatan yang terlibat dengan perjudian haram dan untuk menutup pusat hiburan.</p> <p>LIMITED JURISDICTION</p> <p><i>The Immigration Department is also challenged with limited jurisdiction issues in the arrests of illegal immigrants without valid working permits. There are often complaints and demands by the public to carry out operations which are beyond Immigration's jurisdiction such as arresting local workers involved in illegal gambling and foreclosing illegal premises.</i></p>	<p>Menjalankan operasi bersepada dengan kerjasama dari agensi yang mempunyai bidang kuasa bagi aduan yang diutarakan contohnya Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.</p> <p><i>There shall be integrated operations and collaborations with agencies that have jurisdiction over the matters complained, such as the Royal Malaysian Police and Ministry of Home Affairs.</i></p>
4.	<p>KESELAMATAN PEGAWAI / ANGGOTA TIDAK TERJAMIN KETIKA MEMBUAT SERBUMAN:</p> <p>Tiada peralatan perlindungan dibekalkan seperti senjata atau baju kalis peluru dan ini membahayakan keselamatan pegawai dan anggota terutama ketika membuat operasi.</p> <p>SAFETY OF THE OFFICERS DURING OPERATIONS</p> <p><i>Protection equipment such as weapons and bulletproof vests are not supplied during operations and raids which could put the safety of the enforcement officers at risk.</i></p>	<p>Peruntukan yang mencukupi untuk menjamin keselamatan pegawai/anggota yang bertugas.</p> <p><i>There shall be adequate protection equipment to ensure the safety of the officers on duty.</i></p>

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
5.	<p>PERSEPSI DAN MENTALITI ORANG AWAM TERHADAP PEGAWAI DAN ANGGOTA PENGUAT KUASA:</p> <ul style="list-style-type: none"> JIM Selangor turut berhadapan dengan kekangan dari segi persepsi dan mentaliti orang awam terhadap pegawai penguat kuasa yang dikatakan membiarkan PATI bebas dan membiarkan mereka mengambil peluang pekerjaan sekaligus menjelaskan ekonomi warga tempatan. Realiti sebenar tidak semua pendatang asing yang bekerja di sini tanpa keizinan, kebanyakannya mempunyai permit bekerja yang sah dan warga tempatan sendiri yang sebenarnya mempunyai isu memilih kerja. <p>PUBLIC PERCEPTION TOWARDS ENFORCEMENT OFFICERS</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>The Immigration Department of Malaysia is also challenged by the public's perception towards their duties. Among the main assumptions is that the Immigration Department is not conducting a sufficient number of operations on immigrants, thus affecting job opportunities and the economy of the locals. The reality is, not all foreigners are illegal and most of them possess valid working permits. It is the locals themselves who are actually choosy in terms of job selection.</i> 	<p>Disyorkan supaya JIM menganjurkan program atau kempen pencerahan kepada orang awam terhadap isu-isu sebegini bagi mengembalikan keyakinan dan memperbaiki persepsi / tanggapan negatif sedemikian.</p> <p><i>The Department shall organize programmes or campaigns to enlighten the public on this issue to regain their confidence and improve public perception.</i></p>

JIM NEGERI SARAWAK
THE SARAWAK IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
1.	<p>RUANG PEJABAT YANG KECIL DAN TERHAD Ruang pejabat JIM di Sarawak adalah terhad untuk memuatkan pegawai tambahan.</p> <p>SMALL AND LIMITED OFFICE SPACE <i>The limited office space in the Sarawak Immigration office has resulted in the inability to accommodate additional officers in the existing premises.</i></p>	<p>Memohon tambahan peruntukan kewangan dari pengurusan tertinggi dengan justifikasi yang sewajarnya.</p> <p><i>The Department shall request for additional financial allocation from the top management with reasonable justifications.</i></p>
2.	<p>MASALAH LOGISTIK Cabarang juga timbul dalam menjalankan operasi tangkapan PATI di kawasan pedalaman. Dari segi logistic, JIM Sarawak tidak mempunyai anggota penguat kuasa yang cukup dan fasiliti yang cukup untuk menjalankan operasi.</p> <p>LOGISTIC PROBLEMS <i>Challenges have also arisen in the case of arresting illegal immigrants in the rural areas. The Sarawak Immigration Department of Malaysia does not have an adequate number of enforcement officers and facilities to conduct such operations.</i></p>	<p>JIM perlu menangani isu kekangan anggota kerana ini akan menjadikan penguatkuasaan Akta Imigresen. Perhatian yang serius harus diberikan oleh pengurusan tertinggi terhadap peruntukan tambahan.</p> <p><i>The Immigration Department shall tackle the issue of inadequate number of enforcement officers urgently as this will affect the implementation of their duties in enforcing the Immigration Act. A review of its financial allocations should be given serious attention by the top management.</i></p>

JIM NEGERI KEDAH
THE KEDAH IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
1.	<p>LOKAP TAHANAN YANG TERLALU RAMAI</p> <p>Lokap tahanan di Bangunan Imigresen Anak Bukit mempunyai ruang yang terhad untuk menempatkan PATI. Adalah tidak wajar juga sel tahanan ditempatkan di aras yang sama dengan pejabat penguat kuasa dan pegawai penyiasat yang akan mengundang pelbagai risiko keselamatan.</p> <p>THE OVERCROWDED DETAINEE LOCKUPS</p> <p><i>There is limited lockup capacity to accommodate illegal immigrants in the Anak Bukit Immigration premises. It is also inappropriate that the detention cells are located on the same level as the enforcement department and investigation offices as this may lead to various security and safety risks.</i></p>	<p>Membina depo tahanan untuk zon utara bagi mengatasi masalah lokap tahanan sementara yang melebihi kapasiti. Memandangkan PATI yang masuk ke Kedah/Perlis kebanyakannya yang berasal dari Myanmar/Rohingya maka pengendalian PATI perlu lebih berhemah agar tidak mengundang tohmahan atau kritikan daripada badan-badan hak asasi manusia antarabangsa.</p> <p><i>The Department shall set up a detention depot for the north zone to overcome the overcrowded detainee issue. Since most the illegal immigrants are coming to Kedah and Perlis from Myanmar and Rohingya, the detainees must be treated fairly to avoid human rights violation accusations or complaints.</i></p>
2.	<p>LARANGAN ANGGOTA PENGUAT KUASA MEMBAWA ALAT KOMUNIKASI SEMASA OPERASI</p> <p>Menurut SOP semasa menjalankan operasi, anggota penguat kuasa dilarang membawa sebarang alat komunikasi bagi menjamin kerahsiaan setiap operasi yang dijalankan. Namun terdapat situasi kecemasan yang menuntut penggunaan alat komunikasi contohnya anggota tercedera semasa operasi dan kecemasan anggota keluarga.</p> <p>PROHIBITION AGAINST BRINGING COMMUNICATION DEVICES DURING OPERATIONS</p> <p><i>According to the SOP, enforcement officers are prohibited from bringing any communication device in order to ensure the secrecy of every operation. However, there are emergency situations that may demand the usage of a communication device, for instance, when an officer is injured during operation, and when there is a family emergency.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Disyorkan satu alat komunikasi disediakan untuk setiap operasi. ii. Disyorkan juga SOP berkaitan perlu dikaji dan diperbaiki dengan mengambil kira faktor keselamatan pegawai dan pasukan operasi. iii. Kelengkapan asas keselamatan seperti senjata api, baju kalis peluru adalah wajar dibekalkan dengan secukupnya semasa operasi bagi menjamin keselamatan anggota. <ul style="list-style-type: none"> i. One communication device shall be permitted for use during every operation. ii. It is recommended that the relevant SOP be reviewed with consideration for the safety factor of the officers and the operation team. iii. There shall be a basic supply of safety equipment such as weapons and bulletproof vests for the safety of enforcement officers.

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
3.	<p>KEPENTINGAN PERIBADI</p> <p>JIM banyak menerima pengadu yang mempunyai kepentingan peribadi terhadap PATI yang diadukan. Bahagian Operasi banyak menerima aduan untuk membuat tangkapan bagi kes yang sama disebabkan pengadu mempunyai kepentingan peribadi ke atas penangkapan tersebut.</p> <p>PERSONAL INTEREST</p> <p><i>The Immigration Department has been receiving many complaints from individuals who have a vested interest in the arrest of illegal immigrants. The Operations Division in the Immigration Department also received many complaints with regards to a specific case, asking for the arrest of certain immigrants due to the complainant's vested interest.</i></p>	<p>JIM perlu bertindak atas perkara yang melibatkan bidang kuasanya dan meyerahkan isu berkaitan dengan perkara yang bukan di bawah bidang kuasanya kepada ibu pejabat untuk tindakan lanjut.</p> <p><i>The Immigration Department needs to only act on issues within its jurisdiction and extend the issues that are beyond its jurisdiction to headquarters for possible further action.</i></p>
4.	<p>MAKLUMAT PENGADU TIDAK LENGKAP</p> <p>Banyak aduan yang diterima tidak dapat diproses kerana maklumat yang diberikan tidak lengkap. Ada yang diterima secara surat layang dan apabila tidak diproses ini akan menimbulkan ketidakpuasan kepada pengadu.</p> <p>INCOMPLETE DETAILS / INFORMATION BY COMPLAINANT</p> <p><i>There have been dozens of complaints received that could not be attended to because of incomplete data. There were also complaints made via anonymous letters. Such complaints cannot be processed and when this happens, there will be unsatisfied complainants.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Mewujudkan senarai semak untuk prosedur aduan. ii. Memberikan penjelasan / pencerahan berkenaan isu surat layang kepada pengadu bagi mengelakkan ketidakpuasan. <p><i>i. The Immigration Department needs to make a checklist of the complaint procedure.</i></p> <p><i>ii. The Immigration Department also needs to clarify the issue of the anonymous letter to the public to avoid dissatisfaction.</i></p>

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
5.	<p>MANIPULASI OLEH EJEN</p> <p>Dalam prosedur pengambilan permit pekerja, anggota penguat kuasa perlu membacakan penerangan dan memberikan peringatan tertentu, Namun ada di kalangan majikan yang melangkau prosedur ini dan menyerahkannya kepada ejen seterusnya akan timbul manipulasi dalam proses pembayaran dan lain-lain.</p> <p>AGENT MANIPULATION</p> <p><i>In the case of work permit applications, the enforcement officer in charge is obligated to read out the procedure and to give reminders on certain issues. However some employers choose to skip this procedure and let the matter be handled by agents which may led to manipulations in terms of processing fees and such.</i></p>	<p>Disyorkan surat akuan terhadap penerangan yang telah diberikan.</p> <p><i>The Immigration Department shall provide a letter of consent to be signed by the employer, agreeing to the procedures.</i></p>

JIM CAWANGAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR
THE KLIA IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
1.	TOHMAHAN TIDAK BERASAS TERHADAP ANGGOTA PENGUAT KUASA SEMASA MENJALANKAN TUGAS <i>BASELESS ACCUSATIONS TOWARDS THE ENFORCEMENT OFFICER ON DUTY</i>	<p>Menekankan kepentingan 'pocket diary'. Ini untuk memastikan pergerakan dan tindakan anggota JIM tidak dipersoal atau dijadikan tohmahan yang tidak berasas oleh orang awam.</p> <p><i>The Department shall emphasize the importance of the pocket diary. This is to ensure that the movements and actions of the officers will not be questioned or be grounds for baseless accusations by the public.</i></p>

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM) NEGERI SARAWAK
THE SARAWAK MALAYSIAN MARITIME ENFORCEMENT AGENCY (MMEA)

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
1.	KEKANGAN KEWANGAN <p>Kekangan kewangan adalah antara cabaran utama dalam menguatkuasakan undang-undang di APMM Sarawak. Pada masa ini APMM menggunakan kapal-kapal lama yang telah uzur yang disumbangkan secara ehsan daripada agensi lain dan kos penyelenggaraan yang amat tinggi.</p> <p>FINANCIAL CONSTRAINTS</p> <p><i>Financial constraints is one of Sarawak MMEA's challenges. At the moment MMEA is using old vessels contributed by other agencies and the maintenance cost is quite high.</i></p>	<p>Berdasarkan laporan khas akhbar pada 3 dan 4 September 2014, EAIC sedia maklum bahawa APMM telahpun memohon peruntukan tambahan untuk pembelian asset termasuk 7 kapal melalui bajet 2015.</p> <p><i>Based on a report made by Berita Harian on 3 and 4 September 2014, EAIC noted that MMEA has already submitted a financial proposal for new assets including 7 new vessels in 2015.</i></p> 

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM) CAWANGAN LANGKAWI
LANGKAWI ROYAL CUSTOMS DEPARTMENT OF MALAYSIA**

BIL NO	ISU ISSUE	PANDANGAN / SYOR VIEW/RECOMMENDATION
Throughout 2014, eight (8) Commission's Meetings were held. A total of 321 papers were submitted to the Commission Meetings for approval. All the recommendations and findings made during the Commission Meetings have been served for proper action.

ROLE FOLLOWING THE COMMISSION'S MEETING

After the Commission's Meeting, the Secretariat will coordinate and disseminate all recommendations and decisions of the Meeting to the respective Divisions for further action. The Secretariat will also gather feedback from all Divisions with regard to arising issues from the previous Meeting and follow up by preparing minutes of the Meeting to be distributed at least seven (7) days before the next Meeting.



BAB
CHAPTER
12

UNIT INTEGRITI INTEGRITY UNIT

PENGENALAN <i>INTRODUCTION</i>	110
FUNGSI <i>ROLES</i>	110

UNIT INTEGRITI

PENGENALAN

Unit Integriti Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah ditubuhkan pada 17 Februari 2014 selaras dengan arahan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Unit Integriti EAIC bertanggungjawab dalam memastikan warganya mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotisme.

Inisiatif penubuhan Unit Integriti merupakan salah satu dari usaha kawalan dalaman bagi menguruskan integriti organisasi dan membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan / etika organisasi. Inisiatif penubuhan Unit Integriti ini juga bertepatan dengan aspirasi Kerajaan dalam pengukuhan integriti dalam melahirkan sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang dan berakauntabiliti serta meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap Kerajaan.

FUNGSI

Fungsi Unit Integriti adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu:

- (a) Tadbir Urus
 - Memastikan pelaksanaan tadbir urus secara efektif;
- (b) Pengukuhan Integriti
 - Memastikan pelaksanaan dan penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
- (c) Pengesahan dan Pengesahan
 - Mengesah dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
 - Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
- (d) Pengurusan Aduan
 - Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;

INTEGRITY UNIT

INTRODUCTION

The Integrity Unit of the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) was established on 17 February 2014 in accordance with orders in Circular No. 6 of 2013. The EAIC Integrity Unit is responsible for ensuring a dynamic working culture embedded with strong moral and ethical values and strengthening patriotism.

The establishment of the Integrity Unit was part of the initiative to govern the integrity of organizations and curb criminal misconduct and violations of the code of conduct and organizational ethics. This initiative is also in line with the Government's aspirations to strengthen integrity in the public service delivery system, to make it more accountable and trustworthy and ultimately to increase public confidence.

ROLES

The Integrity Unit implements six (6) core functions:

- (a) Governance
 - To ensure the effective implementation of corporate governance
- (b) Strengthening Integrity
 - To ensure the implementation and institutionalization of integrity within an organization
- (c) Detection and Verification
 - To detect and verify complaints of misconduct and violations of the criminal code of conduct and organization ethics while ensuring that appropriate actions are taken
 - To report any criminal misconduct to the respective law enforcement agencies
- (d) Management of Complaint
 - To receive and take action against all complaints or information on criminal misconduct and violations of the code of conduct and organizational ethics

- (e) Pematuhan
 - Memastikan pematuhan terhadap undang undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- (f) Tatatertib
 - Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

Unit Integriti telah menganjurkan ceramah yang bertajuk “membudayakan Integriti dalam tugas” yang telah disampaikan oleh Ustaz Muhd Mawardi bin Shafai, Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ceramah ini merupakan salah satu aktiviti untuk memperkuatkuarkan nilai-nilai moral yang baik serta memberi kesedaran kepada warga EAIC mengenai tanggungjawab menjalankan tugas dengan jujur dan amanah.

- (e) *Compliance*
 - *To ensure compliance of laws and regulations*
- (f) *Disciplinary*
 - *To fulfil its role as Secretariat of the Disciplinary Board*

The Integrity Unit organized a talk entitled “Inculcating Integrity at Work” which was presented by Ustaz Muhd Mawardi bin Shafai, Assistant Director of the Missionary Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). The lecture was one of the activities aimed to strengthen moral values as well as to create awareness among the staff towards the responsibilities of carrying out their duties with integrity and honesty.



Bilangan aduan tertinggi diterima oleh EAIC masih melibatkan aduan terhadap PDRM diikuti dengan Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kastam Diraja Malaysia.

The highest number of complaints received by EAIC involved the complaints against PDRM, followed by the Immigration Department, Road Transport Department and the Royal Malaysian Customs.



BAB
CHAPTER
13

KEWANGAN
FINANCE

KEWANGAN

Sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 46 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], Kerajaan hendaklah membuat peruntukan dana yang mencukupi secara tahunan bagi maksud Suruhanjaya untuk membolehkan Suruhanjaya menunaikan fungsinya secara berkesan di bawah Akta ini.

Bagi tahun 2014, EAIC telah diberi peruntukan melalui Geran Kerajaan sebanyak RM7.724 juta yang merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, harta modal serta pemberian dan kenaan bayaran tetap. Peruntukan tersebut adalah penambahan sebanyak 0.31 peratus berbanding peruntukan tahun 2013 iaitu sebanyak RM7.7 juta.

Mulai 1 Januari 2014, EAIC telah mengambil alih segala tadbir urus kewangan daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) termasuk pembayaran emolumen selaras dengan penubuhan EAIC sebagai sebuah Badan Berkawan Persekutuan yang perlu mengurus dan mengawal selia tadbir urus kewangannya sendiri.

FINANCE

As provided for under Section 46 of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700], the Government shall make allocations of adequate funds annually to the Commission to enable the Commission to discharge its functions effectively under this Act.

In the year of 2014, EAIC received an allocation from the Government amounting to RM7.724 million, which included the expenditure for emolument, services and supplies, capital assets and fixed grants and charges. This allocation was an increase of 0.31 percent over the year 2013's allocation which amounted to RM7.7 million.

Starting from 1 January 2014, EAIC has taken over financial administration from the Prime Minister's Department (JPM), including the payment of emoluments in line with the establishment of the EAIC as a federal statutory body that would manage and regulate its own financial governance.



BAB
CHAPTER
14

KALENDAR AKTIVITI
CALENDAR ACTIVITY

JANUARI 2014

JANUARY

- Pengambilan pegawai dan kakitangan EAIC
- 20 Januari
- Bacaan Yassin



FEBRUARI 2014

FEBRUARY

- Lawatan Kerja 5 Feb
Jabatan Imigresen Malaysia, Shah Alam, Selangor
- Lawatan Kerja 5 Feb
Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Kuala Lumpur, Wangsa Maju, Kuala Lumpur
- Lawatan Kerja 12 Feb
Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Sarawak
- Lawatan Kerja 13 Feb
Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
- Lawatan Kerja 13 Feb
Agenzia Penguatkuasaan Maritim Malaysia Sarawak
- Lawatan Kerja 14 Feb
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak
- Lawatan Kerja 14 Feb
Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak
- Hari Bertemu Pelanggan 28 Feb
Menara Usahawan





MAC 2014 MARCH

- Lawatan Kerja 20 Mac
Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Kedah
- Lawatan Kerja 20 Mac
Jabatan Imigresen Malaysia Kedah
- Hari Bertemu Pelanggan 20 Mac
Kompleks UTC Alor Setar, Kedah.
- Bacaan Yassin dan Solat Hajat
Kehilangan Pesawat MH 370.



APRIL 2014 APRIL

- Lawatan Kerja 16 April
Jabatan Imigresen Malaysia Cawangan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur – Sepang, Selangor
- Lawatan Kerja 16 April
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Cawangan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Sepang, Selangor.
- Lawatan Kerja 23 April
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Langkawi, Kedah
- Hari Bertemu Pelanggan 30 April
Kompleks UTC Pudu Sentral, Kuala Lumpur



MEI 2014

MAY

- **EAIC & Anda**
23- 25 Mei Festival Belia
- **Majlis Bersama Jabatan (MBJ)**
26 Mei
- **Lawatan Kerja Jabatan Imigresen Malaysia Johor Bahru, Johor**
27 Mei
- **Lawatan Kerja Jabatan Kastam Diraja Malaysia Johor**
28 Mei
- **Lawatan Kerja Jabatan Perikanan Malaysia Johor**
28 Mei



JUN 2014

JUNE

- **Latihan Keselamatan Kebakaran Bomba - Balai Bomba Putrajaya**
5&6 Jun
- **Hari Bertemu Pelanggan Bangunan Jabatan Pendaftaran Negara**
26 Jun
- **Bacaan Yassin dan Solat Hajat**



JULAI 2014

JULY

- Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
9 Julai
- Hari Bertemu Pelanggan
Terminal Bersepadu Selatan, Kuala Lumpur
17 Julai
- Ceramah membudayakan Integriti
21 Julai
- Bacaan Yassin dan Solat Hajat Tragedi MH 17



OGOS 2014

AUGUST

- Lawatan kerja Jabatan Perhubungan Perusahaan, Putrajaya
12 Ogos
- Taklimat GST oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia
19 Ogos
- Hari Bertemu Pelanggan Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Jalan Duta, Kuala Lumpur
21 Ogos
- Lawatan kerja Agensi Antidadah Kebangsaan, Seremban, Negeri Sembilan
28 Ogos



SEPTEMBER 2014

SEPTEMBER

- **EAIC & Anda di Sabak Bernam**
6 September
- **Lawatan Kerja Jabatan Pengangkutan Jalan Melaka**
30 September
- **EAIC & Anda di Perlis**
30 Sep.



OKTOBER 2014

OCTOBER



- **Lawatan Kerja Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Melaka dan Balai Polis Melaka Tengah**
1 Oktober
- **Lawatan kerja ke Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan**
2 Oktober
- **Lawatan Kerja ke Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Negeri Sembilan Negeri Sembilan dan Balai Polis Sikamat**
2 Oktober
- **Taklimat Keselamatan Dokumen CGSO**
2 Oktober
- **Majlis Bersama Jabatan (MBJ)**
8 Oktober
- **Kunjungan Hormat dari Institut Integriti Malaysia**
24 Oktober
- **Hari Bertemu Pelanggan di Petaling Jaya**
28 Oktober
- **Kunjungan Hormat Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard (JIPS)**

NOVEMBER 2014

NOVEMBER



- EAIC & Anda 20 Nov.
Program Mesra anjuran Biro Pengaduan Awam
Cawangan Manjung, Perak
- Bacaan Yassin dan solat hajat



DISEMBER 2014

DECEMBER

- Eaic & Anda 09 Dis
Hari Terbuka Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
(SPRM) - Eaic & Anda 09 Dis - Hari Terbuka Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)





Selaku badan penyelia kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang disenaraikan dalam Jadual Akta 700 dan selaras dengan bidang tugas dan fungsi EAIC di bawah seksyen 4(d) dan (h) Akta 700, EAIC dari masa ke semasa mengemukakan syor-syor penambahbaikan serta cadangan untuk mencegah salah laku serta menambah baik perjalanan operasi dan pengurusan agensi penguatkuasaan terlibat.

As the supervising body for enforcement agencies as listed in the Act 700 Schedule, in line with the roles and functions of EAIC as provided under Section 4 (d) and (h), EAIC will submit recommendations for operations improvement as well as to prevent misconduct within the said agencies.



**BAB
CHAPTER
15**

**LAMPIRAN
APPENDICES**

Lampiran 1

Appendix 1

TAKWIM MESYUARAT SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2014 THE COMMISSION'S MEETINGS SCHEDULE 2014

BIL NO.	NO. SIRI SERIAL NO.	TARIKH DATE
1.	MESYUARAT BILANGAN 1 <i>1ST MEETING</i>	13 JANUARI 13 JANUARY
2.	MESYUARAT BILANGAN 2 <i>2ND MEETING</i>	10 FEBRUARI 10 FEBRUARY
3.	MESYUARAT BILANGAN 3 <i>3RD MEETING</i>	24 FEBRUARI 24 FEBRUARY
4.	MESYUARAT BILANGAN 4 <i>4TH MEETING</i>	10 MAC 10 MARCH
5.	MESYUARAT BILANGAN 5 <i>5TH MEETING</i>	26 MAC 26 MARCH
6.	MESYUARAT BILANGAN 6 <i>6TH MEETING</i>	6 NOVEMBER 6 NOVEMBER
7.	MESYUARAT BILANGAN 7 <i>7TH MEETING</i>	27 NOVEMBER 27 NOVEMBER
8.	MESYUARAT BILANGAN 8 <i>8TH MEETING</i>	15 DISEMBER 15 DECEMBER


Lampiran 2
Appendix 2


JADUAL MESYUARAT JAWATANKUASA ADUAN (MJKA) 2014
COMPLAINTS COMMITTEE MEETINGS SCHEDULE 2014

BIL NO.	NO. SIRI SERIAL NO.	TARIKH DATE
1	MJKA BIL 1 1 ST MEETING	29 JANUARI 29 JANUARY
2	MJKA BIL 2 2 ND MEETING	20 FEBRUARI 20 FEBRUARY
3	MJKA BIL 3 3 RD MEETING	11 MAC 11 MARCH
4	MJKA BIL 4 4 TH MEETING	26 MAC 26 MARCH
5	MJKA BIL 5 5 TH MEETING	8 APRIL 8 APRIL
6	MJKA BIL 6 6 TH MEETING	12 MEI 12 MAY
7	MJKA BIL 7 7 TH MEETING	10 JUN 10 JUNE
8	MJKA BIL 8 8 TH MEETING	22 JUN 22 JUNE
9	MJKA BIL 9 9 TH MEETING	10 JULAI 10 JULY
10	MJKA BIL 10 10 TH MEETING	12 OGOS 12 AUGUST
11	MJKA BIL 11 11 TH MEETING	3 SEPTEMBER 3 SEPTEMBER
12	MJKA BIL 12 12 TH MEETING	22 SEPTEMBER 22 SEPTEMBER
13	MJKA BIL 13 13 TH MEETING	31 OKTOBER 31 SEPTEMBER
14	MJKA BIL 14 14 TH MEETING	28 NOVEMBER 28 NOVEMBER
15	MJKA BIL 15 15 TH MEETING	8 DISEMBER 8 DECEMBER

Lampiran 3
Appendix 3

Carta Organisasi *Organisation Structure*






Lampiran 4


Appendix 4

Carta Aliran Pengurusan Aduan *Complaints Management Flow Chart*



PETUNJUK

- EAIC Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
- PBT Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan
- SPRM Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Kenyataan Media *Press Statement*



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Fax: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.ealc.gov.my



PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PENCEROBOHAN BOT-BOT PUKAT “KENKA” DI KUALA KURAU PERAK

Suruhanjaya ini telah menerima aduan oleh nelayan-nelayan dan persatuan nelayan-nelayan pantai terhadap kelemahan atau ketiadaan penguatkuasaan undang-undang atau peraturan pelesenan oleh Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan Malaysia terhadap pencerobohan bot-bot pukat tunda “kenka” di kawasan persisiran pantai di Kuala Kurau, Perak.

Bot-bot pukat “kenka” yang dilesenkan oleh Jabatan Perikanan bagi menjalankan aktiviti penangkapan ikan bagi kawasan perairan negara ke atas kawasan yang melebihi daripada lima (5) batu nautika dari pantai telah dikatakan secara berterusan menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan hasil laut dalam lingkungan lima (5) batu nautika yang melanggari syarat-syarat pelesenan.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



Penarikan pukat yang diikat pada dua bot “kenka” secara dilabuh ke dasar laut dan dinaikkan secara tarikan melalui dua bot “kenka” yang dipandu laju telah memerangkap pelbagai spesis ikan dengan menjadikan sasaran utama kepada ikan bawal lambak, senangin, udang, ketam dan anak-anak ikan. Aktiviti penangkapan ikan oleh bot-bot pukat “kenka” tersebut telah menjelaskan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan-nelayan persisir pantai serta juga menghakis eko-sistem hidupan laut.

Di dalam tempoh bulan Januari 2012 hingga Oktober 2013 sejumlah 86 aduan telah dibuat kepada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pengkalan Kuala Kurau, Perak bagi penguatkuasaan dan tindakan diambil terhadap masalah pencerobohan oleh bot-bot pukat “kenka” tersebut. Bagaimana pun tidak terdapat langkah-langkah atau penguatkuasaan undang-undang dan peraturan pelesenan diambil secara berkesan atau efektif oleh agensi penguatkuasaan terlibat.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



Suruhanjaya mendapati perkara pengaduan tersebut mempunyai kepentingan yang signifikan kepada orang ramai dan bahawa ianya adalah demi kepentingan awam untuk penyiasatan penuh dilakukan bagi mendapatkan keterangan dan dapatan-dapatan berkaitan kelemahan atau ketiadaan penguatkuasaan undang-undang atau peraturan-peraturan pelesenan yang berkaitan bot-bot pukat "kenka" tersebut. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan Malaysia adalah di antara 21 buah agensi penguatkuasaan yang tergolong di bawah kawalselia oleh Suruhanjaya ini di bawah Akta Suruhanjaya Integriti 2009 [Akta 700].

Oleh itu selaras dengan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 dan dibaca bersama seksyen 28 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], Suruhanjaya memutuskan untuk suatu siasatan penuh diadakan terhadap pengaduan yang diterima itu. Saksi-saksi daripada persatuan nelayan pantai terlibat dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi penguatkuasaan terlibat akan dipanggil bagi memberi keterangan bagi



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



tujuan siasatan tersebut. Orang awam atau mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang berkaitan perkara tersebut adalah juga dijemput untuk memberikan maklumat-maklumat di laman sesawang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan di alamat www.eaic.gov.my atau di nombor talian aduan **03-8888 6618, 03-8888 6509, 03-8888 2184** atau secara e-mel ke aduan@eaic.gov.my.

-TAMAT-

INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH

Kamal Baharin bin Omar
Setiausaha
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

Bertarikh 27 November 2014

Keratan Akhbar
Clippings

SUSULAN BOT PUKAT 'KENKA' CEROBOH

EAIC *siasat* *agensi*

Putrajaya

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) menjalankan siasatan terhadap aduan kelemahan penguatkuasaan dua agensi penguatkuasaan berikaitan pencerobohan bot pukat 'kenka' di perairan pantai Kuala Kurau, Perak.

Selepas EAIC Kamal Baharin Omar berkata, suruhanjaya itu menerima aduan daripada nelayan dan persatuan nelayan pantai mengenai kelemahan atau ketidadaan penguatkuasaan undang-undang atau peraturan pelesenan oleh Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan berhubung pencerobohan itu.

Bagi tempoh Januari 2012 hingga Oktober 2013, 86 aduan diterima APMM Pangkalan Kuala Kurau, Perak bagi penguatkuasaan dan tindakan terhadap masalah pencerobohan bot pukat 'kenka' itu.

"Bagaimanapun, tiada penguatkuasaan undang-undang dan peraturan pelesenan diambil secara berkesan agensi penguatkuasaan berkenaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, bot pukat 'kenka', yang dilesenkan Jabatan Perikanan bagi menjalankan aktiviti penangkapan ikan di ka-

wasan perairan negara melebihi lima batu nautika dari pantai, dikatakan menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan hasil laut dalam lingkungan lima batu nautika.

Kamal Baharin berkata, penarikan pukat yang diikat pada dua bot 'kenka' dilabuh ke dasar laut dan dinilai secara tarikan melalui dua bot 'kenka' yang dipandu laju memerangkap pelbagai spesies ikan dengan menjadikan sasaran utama kepada ikan bawal lambak, senangin, udang, ketam dan anak ikan.

"Aktiviti penangkapan ikan bot pukat 'kenka' itu menjelaskan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan pesisir pantai serta menghakim eko-sistem hidupan laut," katanya.

Menurutnya APMM dan Jabatan Perikanan adalah antara 21 agensi penguatkuasaan di bawah kawal selia EAIC mengikut Akta Suruhanjaya Integriti Agen-

si Penguatkuasaan 2009.

Sesiapa mempunyai maklumat berkaitan berhubung perkara itu boleh disalurkan ke laman sesawang EAIC di www.eaic.gov.my atau <http://www.eaic.gov.my> atau menghubungi talian aduan 03-8888 6618, 03-8888 6509, 03-8888 2184 atau ke aduan@eaic.gov.my, <mailto:aduan@eaic.gov.my>. BERNAMA

FAKTA
Bagi tempoh Januari 2012 hingga Oktober 2013, 86 aduan diterima APMM

Lampiran 7 Appendix 7

Laporan Ketua Audit Negara *Auditor General's Report*



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan yang lain.

Tanggungjawab Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persempahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan 2009 (Akta 700). Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.


Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amau dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persempahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi

bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta perseimbahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.



(LIM CHIN TEONG)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 MAC 2015





SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Saya, **Kamal Baharin Bin Omar**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya) *KAMAL BAHARIN BIN OMAR*
 Diakui oleh penama diatas)
 Di **PUTRAJAYA**)
 pada **11 MAR 2015**

Di hadapan saya,





SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI PESURUHJAYA

Saya, **Yang Arif Datuk Yaacob Bin Md. Sam**, dan **Dato' Sri Robert Jacob Ridu** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Pesuruhjaya **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pesuruhjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Pesuruhjaya,

NAMA: YAACOB BIN MD. SAM
GELARAN: YANG ARIF DATUK
TARIKH: 11 MAC 2015
TEMPAT: PUTRAJAYA

Bagi pihak Pesuruhjaya,

NAMA: ROBERT JACOB RIDU
GELARAN: DATO' SRI
TARIKH: 11 MAC 2015
TEMPAT: PUTRAJAYA



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

3.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Suruhanjaya menggunakan kaedah tidak langsung bagi menyediakan Penyata Aliran Tunai. Tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai di tangan dan di bank.

3.6 Pelbagai Pembiutang

Pembiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama jumlah yang akan dibayar pada masa depan untuk belian dan perkhidmatan yang diterima.

3.7 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan Liabiliti diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai kewajipan hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

3.8 Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah terdiri daripada baki tunai dan di bank. Kaedah pengiktirafan yang digunakan telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan.

a) Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Pendekatan keseluruhan Suruhanjaya bagi pengurusan risiko adalah untuk mengurangkan kesan pendedahan terhadap risiko kecairan dan risiko aliran tunai.

b) Risiko Kecairan

Risiko Kecairan diambil kira untuk memastikan kecairan tunai, memadai bagi memenuhi tuntutan perbelanjaan melalui langkah kawalan kredit, penerimaan hasil dan geran.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	NOTA	2014 RM	2013 RM
ASET			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	1,309,627	815,873
ASET SEMASA			
Pembayaran Terdahulu	5	8,500	8,500
Tunai dan Baki di Bank	6	<u>4,984,147</u>	<u>6,020,903</u>
		4,992,647	6,029,403
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pembiayaan dan Akruan	7	<u>(9,937)</u>	<u>(14,257)</u>
ASET SEMASA BERSIH			
		<u>4,982,710</u>	<u>6,015,146</u>
		<u>6,292,337</u>	<u>6,831,019</u>
DIBIAYAI OLEH :			
Lebihan Terkumpul		<u>6,292,337</u>	<u>6,831,019</u>

3

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	NOTA	2014 RM	2013 RM
PENDAPATAN			
Geran Kerajaan	8	3,475,800	4,950,000
LAIN-LAIN PENDAPATAN			
Faedah Diterima	9	54,126	82,855
Pendapatan Lain		2,007	-
JUMLAH PENDAPATAN		3,531,933	5,032,855
Tolak: BELANJA OPERASI			
Kos Kakitangan	10	(2,254,037)	(1,391,065)
Pentadbiran dan Pengurusan	11	(1,524,695)	(1,656,006)
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	4	(291,541)	(125,573)
Lebihan/(Kurangan) daripada Operasi		(4,070,273)	(3,172,644)
Kos Kewangan	12	(342)	(192)
Lebihan/(Kurangan) Bersih Tahun Semasa		(538,682)	1,860,019



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	JUMLAH RM
Baki pada 1 Januari 2013	4,971,000
Lebihan pendapatan bersih bagi tahun 2013	1,860,019
Baki pada 31 Disember 2013	<u>6,831,019</u>
(Kurangan) bersih bagi tahun semasa	(538,682)
Baki pada 31 Disember 2014	<u>6,292,337</u>



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	2014 RM	2013 RM
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi		
Lebihan / (Kurangan) Bersih bagi tahun semasa	(538,682)	1,860,019
<u>Pelarasan untuk:</u>		
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	291,541	125,573
<u>Perubahan Kerja Modal:</u>		
Pengurangan / (Pertambahan) Pelbagai Penghutang	-	(8,500)
Pertambahan / (Pengurangan) Pelbagai Pembiutang dan Akruan	<u>(4,320)</u>	<u>14,257</u>
	(251,461)	1,991,349
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan		
Pembelian ke atas Hartanah, Loji dan Peralatan	(785,295)	(876,163)
<u>Pertambahan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai</u>	<u>(1,036,756)</u>	<u>1,115,186</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari 2014	<u>6,020,903</u>	<u>4,905,717</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember 2014	<u>4,984,147</u>	<u>6,020,903</u>
Terdiri Daripada:		
Tunai di Bank	4,983,647	6,020,602
Tunai di Tangan	<u>500</u>	<u>301</u>
	<u>4,984,147</u>	<u>6,020,903</u>



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (Suruhanjaya) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] berkuat kuasa mulai 1 April 2011. Aktiviti utama Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- 1.1. Menerima aduan salah laku dan menjalankan siasatan;
- 1.2. Mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku;
- 1.3. Melindungi kepentingan orang awam daripada salah laku;
- 1.4. Mengaudit dan memantau operasi serta tatacara agensi penguatkuasaan;
- 1.5. Menggalakkan kesedaran dan pendidikan tentang integriti;
- 1.6. Membantu merumuskan perundungan dan mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan;
- 1.7. Mengkaji apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat syor;
- 1.8. Membuat lawatan ke premis agensi penguatkuasaan dan membuat syor; dan
- 1.9. Melakukan semua perkara yang suai manfaat dan perlu untuk melaksanakan fungsi-fungsi di atas.

2. TARikh KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diluluskan untuk dikeluarkan oleh Suruhanjaya pada tarikh 11 Mac 2015 melalui Kertas Resolusi Secara Edaran Bil. 1/2015.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

3. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

3.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) bagi entiti selain daripada entiti persendirian. Suruhanjaya boleh menerima pakai sepenuhnya pekeliling yang telah disediakan oleh Kerajaan Malaysia.

3.2 Dasar-dasar perakaunan penting yang diterima pakai oleh Suruhanjaya

- a) Dasar-dasar perakaunan yang telah diterima pakai oleh Suruhanjaya untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013.

MASB 1 : Pembentangan Penyata Kewangan

MASB 5 : Penyata Aliran Tunai

MASB 9 : Hasil

MASB 14 : Perakaunan Susutnilai

MASB 15 : Hartanah, Loji dan Peralatan

MASB 20 : Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka, Aset Luar Jangka

MASB 31 : Perakaunan bagi Geran Kerajaan

- b) Penyata Kewangan Suruhanjaya telah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang fungsian Suruhanjaya.

3.3 Pengiktirafan Pendapatan

Sumber pendapatan Suruhanjaya terdiri daripada terimaan Geran Mengurus daripada Kerajaan dan pendapatan faedah atas simpanan. Pengiktirafan pendapatan adalah seperti berikut:



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

- a) Pendapatan Geran Kerajaan
Pendapatan Geran Kerajaan diiktiraf apabila hak menerima geran dikenalpasti.
- b) Pendapatan Faedah
Pendapatan faedah diiktiraf apabila faedah diterima.

3.4 Hartanah, Loji dan Peralatan; dan Susutnilai

Hartanah, Loji dan Peralatan adalah terdiri daripada Kenderaan, Peralatan Pejabat, Perabot & Kelengkapan, Peralatan Komputer, Perisian Komputer dan Peralatan Keselamatan di mana perolehan asalnya RM1,000 dan ke atas atau yang memerlukan penyelenggaraan tanpa mengira harga perolehan asal. Ianya dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian atau rosotnilai harta jika ada. Susutnilai dikira sama rata berdasarkan kaedah garis lurus pada kadar berdasarkan penilaian di sepanjang tempoh anggaran hayat penggunaannya.

Susutnilai dikira bermula pada bulan perolehan dalam sesuatu tahun sehingga tamat tempoh hayat penggunaannya. Sekiranya perolehan tersebut berlaku selepas 15hb pada bulan perolehan, maka susutnilai akan dikira bermula pada bulan berikutnya.

Kadar utama susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

	Peratus (%)	Jangka Hayat (Tahun)
Kenderaan	20	5 Tahun
Peralatan Pejabat	20	5 Tahun
Perabot dan Kelengkapan	20	5 Tahun
Peralatan Komputer	20	5 Tahun
Peralatan Keselamatan	20	5 Tahun
Perisian Komputer	33.33	3 Tahun



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

3.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Suruhanjaya menggunakan kaedah tidak langsung bagi menyediakan Penyata Aliran Tunai. Tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai di tangan dan di bank.

3.6 Pelbagai Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama jumlah yang akan dibayar pada masa depan untuk belian dan perkhidmatan yang diterima.

3.7 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan Liabiliti diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai kewajipan hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

3.8 Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah terdiri daripada baki tunai dan di bank. Kaedah pengiktirafan yang digunakan telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan.

a) Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Pendekatan keseluruhan Suruhanjaya bagi pengurusan risiko adalah untuk mengurangkan kesan pendedahan terhadap risiko kecairan dan risiko aliran tunai.

b) Risiko Kecairan

Risiko Kecairan diambil kira untuk memastikan kecairan tunai, memadai bagi memenuhi tuntutan perbelanjaan melalui langkah kawalan kredit, penerimaan hasil dan geran.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

c) Risiko Aliran Tunai

Aliran tunai Suruhanjaya adalah mencukupi bagi tujuan pembangunan dan pengurusan.

3.9 Manfaat Kakitangan

a) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit, bonus dan manfaat-manfaat bukan kewangan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan tersebut kepada Suruhanjaya.

b) Manfaat selepas tamat perkhidmatan

Suruhanjaya mempunyai skim yang dikenali sebagai sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan dana persaraan tanpa sumbangan yang diluluskan.

- i. Sumbangan kepada KWSP dan dana persaraan tanpa sumbangan yang diluluskan.

Suruhanjaya membuat sumbangan kepada KWSP dan diakaunkan dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan tahun perkhidmatan. Suruhanjaya tidak mempunyai tanggungan untuk lain-lain bayaran sebaik sahaja pembayaran sumbangan dibuat. Suruhanjaya turut mempunyai skim dana persaraan yang dibuat bagi semua kakitangan Suruhanjaya yang layak dan disahkan jawatan.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

4. Hartanah, Loji dan Peralatan

2014 Kos	KENDERAAN RM	PERALATAN PEJABAT RM	PERABOT & KELENGKAPAN RM	PERALATAN KOMPUTER RM	PERISIAN KOMPUTER RM	PERALATAN KESELAMATAN RM	JUMLAH RM
Baki pada 1 Januari 2014	439,604	383,586	5,310	56,820	60,078	-	945,398
Penambahan	524,884	14,815	11,370	162,360	20,150	51,716	785,295
Baki pada 31 Disember 2014	964,488	398,401	16,680	219,180	80,228	51,716	1,730,693
Susutnilai Terkumpul							
Baki pada 1 Januari 2014	48,194	60,590	443	4,772	15,526	-	129,525
Susutnilai	160,029	77,285	1,062	22,190	25,621	5,354	291,541
Baki pada 31 Disember 2014	208,223	137,875	1,505	26,962	41,147	5,354	421,066
Nilai Buku Bersih							
	756,265	260,526	15,175	192,218	39,081	46,362	1,309,627

12



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

2013

Kos

Baki pada 1 Januari 2013

Susutnilai

Baki pada 31 Disember 2013

Susutnilai Terkumpul

Baki pada 1 Januari 2013

Susutnilai

Baki pada 31 Disember 2013

Nilai Buku Bersih

KENDERAAN RM	PERALATAN PEJABAT RM	PERALATAN & KELENGKAPAN RM	PERALATAN KOMPUTER RM	PERESIAN KOMPUTER RM	PERALATAN KESELAMATAN RM	JUMLAH RM
						2013
-	64,959	-	4,376	-	-	69,235
439,604	318,777	5,310	52,444	60,078	-	875,163
439,604	383,586	5,310	56,820	60,078	-	945,398
Susutnilai Terkumpul						
-	3,907	-	145	-	-	3,952
48,194	56,783	443	4,627	15,526	-	125,573
48,194	60,590	443	4,772	15,526	-	129,525
391,410	322,996	4867	52,048	44,552	-	815,873



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

5. PEMBAYARAN TERDAHULU

Pembayaran terdahulu yang dinyatakan adalah nilai deposit bagi langganan perkhidmatan Sistem Tol Automatik (Touch & Go).

6. TUNAI DAN BAKI DI BANK

	2014 RM	2013 RM
Baki tunai di bank	4,983,647	6,020,602
Baki tunai di tangan	<u>500</u>	<u>301</u>
	<u>4,984,147</u>	<u>6,020,903</u>

7. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2014 RM	2013 RM
Pelbagai Pemiutang	1,126	-
Peruntukan Yuran Audit	6,591	4,779
Perbelanjaan Pejabat Terakru	390	6,674
Perkhidmatan Pos dan Setem Terakru	-	1,646
Tuntutan Perubatan Terakru	551	-
Tuntutan Perjalanan Terakru	279	1,158
Perbelanjaan Petrol Terakru	<u>1,000</u>	<u>-</u>
	<u>9,937</u>	<u>14,257</u>



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

8. GERAN KERAJAAN

Geran Kerajaan yang diterima bagi perbelanjaan mengurus Suruhanjaya tahun 2014 adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Separuh Tahun Pertama	1,737,900	3,850,000
Separuh Tahun Kedua	1,737,900	1,100,000
	<u>3,475,800</u>	<u>4,950,000</u>

9. LAIN-LAIN PENDAPATAN

Lain-lain pendapatan Suruhanjaya diperolehi daripada faedah akaun semasa di bank-bank tempatan yang diiktiraf berdasarkan kadar semasa yang telah ditetapkan dan pendapatan lain.

10. KOS KAKITANGAN

	2014 RM	2013 RM
Upah, Gaji dan Bonus	1,904,589	1,259,920
Sumbangan Berkanun	300,481	86,102
Pakaian Seragam	25,907	9,476
Latihan dan Kursus	<u>23,060</u>	<u>35,567</u>
	<u>2,254,037</u>	<u>1,391,065</u>



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

11. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

	2014 RM	2013 RM
Elaun Pesuruhjaya	269,991	513,500
Pengiklanan	27,990	84,518
Penerbitan Video Korporat	51,500	48,000
Tuntutan Perjalanan Kakitangan	119,372	203,797
Penginapan dan Kemudahan	36,428	72,637
Bayaran Telefon Kakitangan dan Pentadbiran	55,899	29,507
Kemudahan Pos	10,524	7,663
Alatalis dan Percetakan	92,526	89,707
Perbelanjaan Mesyuarat	10,942	7,948
Perbelanjaan Pejabat	266,733	113,477
Perbelanjaan Am	65,116	-
Seminar dan Konvensyen	6,884	178,318
Seminar Luar Negara	-	65,639
Juruperunding Luar	-	60,200
Yuran Langganan Perkhidmatan	41,531	21,228
Yuran Audit	6,591	4,779
Barangan Promosi	324,079	51,676
Langganan Buku/Majalah	20,184	16,128
Belanja Petrol dan Tol	37,261	13,687
Penyelenggaraan Kenderaan	29,495	2,729
Penyelenggaraan Peralatan Pejabat	51,649	70,868
	<u>1,524,695</u>	<u>1,656,006</u>

12. KOS KEWANGAN

Kos Kewangan Suruhanjaya terdiri daripada bayaran perkhidmatan daripada bank-bank tempatan yang diiktiraf.

13. MAKLUMAT KAKITANGAN

Jumlah kakitangan Suruhanjaya pada akhir tahun 2014 adalah 54 (2013 : 29).

